



LAPORAN IMPAK 2025





Kandungan

Perutusan Pengerusi	3
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	4
Mengenai Kami	5
Matlamat Kewujudan Kami	7
Teori Perubahan Kami	9
Pelan Aspirasi 2030	10
Impak Kumulatif	12
Impak Tahun 2025	16
Sekilas Pandang Tahun 2025	16
Teras 1: Membangunkan Pemimpin Baharu dalam Sistem Pendidikan	18
Teras 2: Memacu Pemimpin Sedia Ada dalam Sistem Pendidikan pada Skala Besar	24
Teras 3: Menggerakkan Pemimpin untuk Memacu Perubahan Sistemik	36
Gerakan Alumni Kami	44
Lembaga Pemegang Amanah Kami	50
Rakan Kerjasama dan Penyokong Kami	52
Laporan Kewangan	58
Cara-cara untuk Menyumbang	59

Perutusan Pengerusi

Seiring dengan perkembangan sistem pendidikan Malaysia, adaptasi dan inovasi sangat penting untuk kita memenuhi keperluan semasa serta menghadapi tuntutan masa hadapan. Kemajuan yang berterusan ke arah sistem pendidikan yang cemerlang dan saksama memerlukan kerjasama yang kukuh, kepimpinan kolektif, serta komitmen bersama terhadap pembelajaran berterusan di semua peringkat.

Di Yayasan Teach For Malaysia, kami sedang membina gerakan pemimpin dalam ekosistem pendidikan untuk memperkasa semua murid di Malaysia agar dapat merealisasikan potensi mereka. Pada tahun 2025, kami lebih beriltizam untuk menyatukan gerakan kami yang pelbagai, berpandukan tema *"All of Us, For All Children"*. Dengan penuh rasa syukur, saya berkongsi Laporan Impak Teach For Malaysia 2025, yang mencerminkan kekuatan rangkaian yang semakin berkembang dan komited terhadap kesaksamaan pendidikan. Melalui dedikasi para Felo, peserta Program Duta Guru, dan guru KALIS, bersama murid, pemimpin komuniti, sukarelawan, kakitangan dan alumni, kami terus memacu perubahan yang bermakna.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, serta semua rakan dan penyokong kami yang telah memberikan kepercayaan dan kerjasama dalam menjayakan usaha ini. Kepercayaan berterusan anda terhadap misi kami membolehkan kami memperluas jangkauan serta meneruskan usaha ke arah aspirasi bersama — sebuah masa depan di mana setiap murid di Malaysia berpeluang merealisasikan potensi mereka melalui pendidikan berkualiti.

YAM Tunku Ali Redhaudhin Ibni Tuanku Muhriz

Pengerusi & Pengasas Lembaga
Pemegang Amanah,
Teach For Malaysia



Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Laporan Impak 2025 Teach For Malaysia memaparkan perkembangan gerakan yang semakin utuh atas usaha Felo kami, peserta Program Duta Guru, guru KALIS, murid, pemimpin komuniti, sukarelawan, kakitangan serta Alumni. Laporan ini merakamkan bagaimana rangkaian kami terus memacu impak di bilik darjah dan komuniti, sambil bekerjasama secara lebih bersepadu untuk merealisasikan visi bersama, iaitu pendidikan berkualiti untuk semua.



Pada tahun 2025, kami memberi tumpuan kepada usaha menghimpunkan pemimpin daripada pelbagai latar dalam rangkaian kami sambil mengukuhkan lagi program dan asas organisasi. Kami juga telah mengalu-alukan kemasukan kohort Felo ke-13, yang terdiri daripada bakat baharu di dalam ekosistem pendidikan serta guru dalam perkhidmatan melalui program utama *Fellowship* kami.

Melalui program Kemahiran Asas Literasi dan numerasi (KALIS), kami bekerjasama dengan guru pemulihan untuk memperkukuh pembelajaran pemulihan di 105 buah sekolah, sekali gus membantu murid membina kemahiran asas literasi dan numerasi. Inisiatif *Education Recovery Tutoring Initiative* (ERTI) pula membolehkan kami menyokong murid di komuniti berkeperluan tinggi melalui kerjasama dengan pemimpin tempatan dan sukarelawan bagi melaksanakan intervensi pembelajaran yang kritikal. Sejak dilancarkan pada tahun 2019, Program Duta Guru (PDG), dengan kerjasama Yayasan PETRONAS, telah membina rangkaian kukuh pendidik STEM di seluruh negara yang memperjuangkan kecemerlangan dan inovasi. Pada tahun 2025, kami telah melancarkan kohort PDG ke-6.

Seiring pelaksanaan Fasa 2 Strategi 2030, kami menumpukan usaha untuk menyatukan gerakan yang pelbagai ini bagi memperkukuh kepimpinan kolektif dan memperluas impak. Usaha ini dizahirkan melalui Semarak Komuniti, sebuah acara yang menghimpunkan Felo, Alumni, guru, murid, pemimpin komuniti dan rakan strategik untuk berkongsi idea,

mempamerkan inisiatif serta meneroka penyelesaian dalam pendidikan. Berpandukan tema "*All Of Us, For All Children*", Semarak Komuniti berfungsi sebagai pemangkin yang mempamerkan skala, kepelbagaian serta tenaga kolektif gerakan ini dalam usaha bersama ke arah Malaysia di mana setiap anak dapat berkembang maju.

Kami amat menghargai sokongan dan komitmen rakan-rakan daripada sektor awam dan swasta yang membantu merealisasikan usaha kami. Pada tahun 2025, kami berbangga menjadi rakan amal bagi *Kuala Lumpur Standard Chartered Marathon* untuk tahun kedua berturut-turut, dengan hasil kutipan dana sebanyak RM269,294.91 bagi menyokong program kami. Kepercayaan dan keyakinan semua penyokong kami, sama ada yang telah lama bersama mahupun yang baharu, memberikan kekuatan kepada kami untuk terus memacu perubahan bermakna dalam ekosistem pendidikan Malaysia.

Melangkah ke hadapan, kami kekal komited terhadap kuasa transformatif pendidikan serta kekuatan kepimpinan kolektif. Saya yakin pertumbuhan gerakan ini akan terus membuka lebih banyak peluang untuk kita mencapai kejayaan bersama.

Sekian, terima kasih.

Chan Soon Seng

Ketua Pegawai Eksekutif,
Teach For Malaysia

Alumni TFM, Kohort 2012

Mengenai Kami

Teach For Malaysia ialah sebuah organisasi bukan untung yang berusaha ke arah masa depan bagi memastikan semua kanak-kanak di Malaysia mempunyai peluang untuk merealisasikan potensi mereka melalui pendidikan berkualiti.

Kami bekerjasama dengan rakan kongsi dalam ekosistem pendidikan untuk mewujudkan transformasi pendidikan jangka pendek dan jangka panjang dengan membangunkan serta memobilisasikan gerakan pemimpin yang pelbagai. Diasaskan pada tahun 2010, Teach For Malaysia (TFM) ialah ahli organisasi pendidikan antarabangsa Teach For All, sebuah pertubuhan pendidikan yang beroperasi di lebih 60 buah negara di seluruh dunia.

Kami percaya bahawa pendidikan berkualiti merupakan pendekatan paling berkesan untuk membolehkan setiap murid merealisasikan potensi mereka. Bagi memastikan perkara ini tercapai, kita memerlukan pemimpin yang komited untuk mentransformasikan sistem pendidikan agar setiap murid menerima pendidikan berkualiti tinggi. Oleh itu, kami menggalas misi untuk membina satu gerakan kepimpinan dalam ekosistem pendidikan bagi memperkasa semua murid di Malaysia untuk merealisasikan potensi mereka.



Visi

Suatu hari nanti, setiap anak Malaysia akan berpeluang merealisasikan potensi diri melalui pendidikan berkualiti.

Misi

Melahirkan barisan pemimpin dalam ekosistem pendidikan yang memperkasakan setiap anak Malaysia untuk mencapai potensi mereka.

Nilai Teras Kami

Sikap Pasti Boleh

Kami menetapkan sasaran yang tinggi untuk membayangkan semula sebuah sistem pendidikan dan dunia yang jauh berbeza serta mampu memenuhi keperluan semua. Sebagai sebuah gerakan, kami memperkasakan murid dan komuniti kami untuk menerajui penyelesaian terbaik.



Kecemerlangan

Kami percaya bahawa apabila seseorang menyenangi dan meyakini apa yang dilakukan, mereka akan memberikan yang terbaik dalam kerjaya dan kehidupan. Kami menetapkan piawaian kecemerlangan yang tinggi dalam setiap aspek kerja dan kehidupan bagi mencapai impak yang dihasratkan serta memastikan kelestarian jangka panjang.



Kolaborasi

Kami percaya bahawa setiap individu mempunyai peranan dalam memastikan setiap murid merealisasikan potensi diri untuk memimpin diri sendiri dan orang lain. Kami bekerjasama secara menyeluruh dengan murid, komuniti dan rakan-rakan daripada semua sektor sebagai satu gerakan kepimpinan kolektif yang saling bergantung.



Integriti

Kami percaya bahawa keaslian, empati, rasa hormat dan kepercayaan mempunyai kuasa untuk mencipta perubahan transformatif. Kami memberi penekanan bukan sahaja kepada matlamat yang dicapai, tetapi juga kepada cara matlamat tersebut dicapai.



Matlamat Kewujudan Kami

Setiap kanak-kanak berhak untuk menjalani kehidupan yang mereka impikan, dan pendidikan berkualiti merupakan alat paling berkuasa untuk mencapainya. Namun, tidak semua kanak-kanak di Malaysia mempunyai akses kepada pendidikan yang diperlukan untuk merealisasikan potensi diri. Latar belakang sosioekonomi, lokasi geografi serta halangan sistemik mewujudkan ketidaksaksamaan yang berterusan dalam hasil pembelajaran.

Realiti Pendidikan di Malaysia




Jurang Pembelajaran Asas

Pada tahun 2024, sebanyak **27% murid Tahun 1** di seluruh negara memerlukan intervensi asas segera (KPM, 2025), iaitu:


11% tidak menguasai numerasi sahaja

37% tidak menguasai literasi sahaja



Penurunan Prestasi Murid

Keputusan *Programme for International Student Assessment (PISA) 2022* menunjukkan **trend penurunan yang membimbangkan**, dengan murid di Malaysia mencatat prestasi di bawah purata antarabangsa. **Hampir 60% murid** tidak mencapai tahap penguasaan minimum dalam Matematik dan Bacaan, manakala peratusan murid berprestasi tinggi kekal rendah pada tahap yang sangat kritikal.



Ketidaksaksamaan yang Berterusan

Murid daripada **latar belakang sosioekonomi lebih tinggi dan sekolah bandar** secara **konsisten mencatat prestasi lebih baik** berbanding rakan sebaya mereka di **kawasan luar bandar dan daripada golongan berpendapatan rendah** dalam pentaksiran antarabangsa (PISA 2022; TIMSS 2023; SEA-PLM 2024) dan pencapaian SPM.



Kesejahteraan Murid

- SEA-PLM 2024 melaporkan **peningkatan kes ponteng sekolah, vandalisme dan buli** berbanding tahun 2019.
- Laporan *National Health and Morbidity Survey 2023* mendapati bahawa **satu daripada enam kanak-kanak** mengalami masalah kesihatan mental.

Cabaran Sistemik



Ketidaksaksamaan pendidikan merupakan satu cabaran kompleks yang berakar umbi dalam faktor sistemik dan struktur. Tanpa intervensi, cabaran ini akan terus membentuk masa depan murid serta menghadkan peluang mereka. Apabila sebahagian murid tercicir, kita semua turut terkesan kerana ia melemahkan kesejahteraan ekonomi dan sosial secara keseluruhan.



Penyelidikan global secara konsisten menunjukkan bahawa **kualiti pendidik merupakan faktor dalam sekolah yang paling penting dalam mempengaruhi hasil pembelajaran murid.** Pendidik yang berkesan juga memainkan peranan kritikal dalam merapatkan jurang pencapaian antara murid daripada latar belakang yang berbeza.



Pencapaian kesaksamaan pendidikan menuntut kepimpinan yang berani serta perubahan sistemik. Ia memerlukan individu daripada pelbagai latar belakang yang memahami realiti bilik darjah, berpegang kepada tujuan bersama, dan berkeupayaan untuk bekerjasama merentas sekolah, komuniti serta keseluruhan ekosistem pendidikan.

Teori Perubahan Kami

Asas Teori Perubahan kami ialah kepercayaan terhadap kepentingan kepimpinan berkesan yang mampu mendorong perubahan yang sistemik dan mampan.



Merekrut dan Membangunkan Pemimpin Paling Berpotensi dan Pelbagai

Kami merekrut peserta yang mempunyai potensi kepimpinan yang tinggi dan menyediakan latihan kepimpinan serta pedagogi. Ini membolehkan mereka mencetuskan impak segera melalui peningkatan pencapaian murid sambil memperoleh pemahaman mendalam untuk inisiatif masa hadapan yang memberi kesan jangka panjang.



Memperkasa Murid di Komuniti Berkeperluan Tinggi

Sepanjang penglibatan mereka di TFM, para peserta menerima latihan kepimpinan dan bimbingan untuk mengaplikasikan kecekapan kepemimpinan. Mereka bekerja di komuniti berkeperluan tinggi (berpendapatan rendah, sumber terhad) untuk memperkasa murid dengan memupuk keupayaan, suara, dan nilai diri mereka.



Menggerakkan Kepimpinan Kolektif untuk Perubahan Sistemik

Para pemimpin yang menyertai pelbagai program kami merupakan sebahagian daripada gerakan yang pelbagai, dipandu oleh nilai-nilai teras yang sama dan komitmen untuk menamatkan ketidaksaksamaan pendidikan. Walaupun penglibatan awal mereka mungkin melalui program yang berbeza, dalam jangka panjang, Alumni, pemimpin murid, pemimpin komuniti, dan sukarelawan kami bekerjasama di semua peringkat ekosistem pendidikan untuk menuju ke visi bersama dalam memastikan pendidikan berkualiti untuk semua.

Pelan Aspirasi 2030

Memperluas Impak untuk Perubahan Sistemik

Dari tahun 2012 hingga 2019, Yayasan Teach For Malaysia (TFM) memberi tumpuan kepada satu program teras, iaitu Program Felo TFM. Menyedari keperluan untuk memperluas skala bagi mewujudkan jumlah pemimpin yang mencukupi untuk mentransformasikan sistem pendidikan, kami telah melancarkan Strategi 2030 pada tahun 2022, berpanduan tiga teras dan empat matlamat strategik.

Seiring dengan pertumbuhan gerakan kami, kami membayangkan TFM sebagai sebuah platform yang menghimpunkan individu daripada pelbagai latar belakang untuk bekerjasama dan menyumbang kepada pembangunan negara melalui pendidikan, disatukan oleh aspirasi bersama untuk Malaysia yang lebih baik bagi semua. Melangkaui Program Felo TFM, kini kami turut melibatkan guru dan pemimpin sedia ada dalam sektor pendidikan awam serta menggerakkan pemimpin di semua peringkat ekosistem pendidikan bagi memperluas impak kolektif.

Fasa 1 (2022–2024): Membina Asas untuk Penskalaan

Dalam Fasa 1, kami memberi tumpuan kepada pembinaan asas kepimpinan yang kukuh dan pelbagai bagi memacu impak dalam sistem pendidikan. Ini melibatkan usaha memperkukuh dan memperluas program-program kami untuk mengembangkan gerakan TFM serta mempelbagaikan saluran kepimpinan. Menjelang akhir tahun 2024, kami telah berkembang menjadi sebuah organisasi berbilang program yang berada pada kedudukan kukuh untuk memperluas impak dengan lebih berkesan.

Fasa 2 (2025–2027): Menyatukan Pemimpin menjadi Gerakan yang Padu

Fasa 2 memberi tumpuan kepada usaha menghimpunkan pemimpin sebagai satu gerakan TFM yang padu. Kami berhasrat untuk membuka potensi kepimpinan kolektif merentas program, membolehkan pemimpin di bilik darjah, komuniti dan kedudukan berpengaruh memacu transformasi pendidikan di semua peringkat.

Matlamat kami adalah untuk membina massa kritikal (*critical mass*) yang diperlukan bagi mencetuskan titik perubahan dalam sistem. Fasa 2 menekankan kerjasama, kepercayaan dan pembinaan hubungan — iaitu usaha mewujudkan persekitaran yang membolehkan pemimpin saling memperkukuh impak antara satu sama lain serta bekerjasama ke arah Malaysia di mana semua murid dapat merealisasikan potensi mereka melalui pendidikan berkualiti.



Teras Transformatif dan Matlamat Strategik yang akan memacu kami ke arah Aspirasi 2030

Visi

Suatu hari nanti, setiap anak Malaysia akan berpeluang mencapai potensi diri melalui pendidikan berkualiti

Misi

Melahirkan barisan pemimpin dalam ekosistem pendidikan yang memperkasakan setiap anak Malaysia untuk mencapai potensi mereka

Aspirasi 2030

TFM akan menjadi sebuah gerakan dengan 30,000 orang pemimpin menjelang tahun 2030

MATLAMAT-MATLAMAT STRATEGIK				
MATLAMAT-MATLAMAT STRATEGIK	Murid	Teras 1	Teras 2	Teras 3
	Sistem	Membangunkan pemimpin baharu dalam sistem pendidikan	Memacu pemimpin sedia ada dalam sistem pendidikan pada skala besar	Menggerakkan pemimpin untuk memacu perubahan sistemik
	Skala	Menarik minat dan melahirkan pemimpin masa depan yang berpotensi untuk menyediakan pendidikan berkualiti kepada murid di komuniti berkeperluan tinggi.	Mempercepatkan pembangunan generasi pemimpin seterusnya dalam Kementerian Pendidikan melalui pelbagai program pembangunan kepimpinan.	Mengembangkan dan terus melibatkan gerakan pemimpin yang inklusif di semua peringkat ekosistem pendidikan untuk menghasilkan impak secara kolektif.
	Mampan			

Impak Kumulatif

Sejak tahun 2012, gerakan Teach For Malaysia telah melahirkan

lebih daripada **5,000** pemimpin.



546
Felo TFM

2,117
Peserta PDG

105
Guru KALIS



2,276
pemimpin murid¹

1,335
sukarelawan, mentor, dan
pemimpin komuniti²



Impak kepada
680,000
murid



Jalinan kerjasama dengan
lebih daripada

1,500
sekolah³ dan komuniti

Pada tahun 2022, Teach For Malaysia telah dianugerahkan Anugerah Merdeka 2022 di bawah kategori Pendidikan dan Komuniti. Anugerah Merdeka merupakan salah satu anugerah berprestij yang mengiktiraf kecemerlangan, diasaskan oleh PETRONAS, ExxonMobil dan Shell pada tahun 2007.

Nota: 1. Data direkodkan sejak tahun 2018 2. Data direkodkan sejak tahun 2021 3. Lebih 90% merupakan sekolah berkeperluan tinggi
Jumlah keseluruhan berbeza mengikut tahun disebabkan pengambilan peserta baharu dan penarikan diri.



2012

44 Felo

Kohort pertama ditempatkan di wilayah Tengah



2013

46 Felo

Perluasan ke wilayah Utara

2014

63 Felo



2018

55 Felo

Perluasan ke Sabah



2017

48 Felo

2016

30 Felo

Perluasan ke wilayah Selatan



2015

67 Felo

Perluasan ke Sarawak



2019

56 Felo

Pelancaran Program Duta Guru (PDG)

2020

38 Felo, 116 peserta PDG

2021

137 peserta PDG
Pelancaran Pelan Aspirasi 2030



2022

21 Felo, 246 peserta PDG
Kohort pertama laluan Program TFM Sebagai Rakan Guru



Perjalanan diteruskan

2025

22 Felo, 773 peserta PDG

2024


34 Felo, 454 peserta PDG

- Kohort pertama Felo Guru Muda
- Pelancaran Program KALIS

2023

22 Felo, 411 peserta PDG

Jejak Impak TFM



Sorotan:

Perjalanan Dayangku daripada Murid kepada Pemimpin



Dayang Ku Nur Azni Binti Roslan

Felo Kohort 2026

Perjalanan Dayangku bersama Teach For Malaysia bermula sejak Tingkatan 1 apabila beliau menyertai Project ID di SMK Pendamaran Jaya. Dibimbing oleh beberapa Felo yang berdedikasi, beliau kekal terhubung rapat dengan gerakan ini sepanjang persekolahan menengahnya. Dayangku juga merupakan peserta *Closing the Gap*, suatu inisiatif oleh Alumni TFM yang membantu beliau meneroka pilihan halatuju selepas tamat sekolah. Walaupun kekangan kewangan pernah menjadikan impiannya terasa jauh, satu detik kebetulan semasa aktiviti Project ID telah membuka peluang kepada biasiswa Sunway-Teach For Malaysia. Dengan sokongan para mentor, beliau berjaya memperoleh biasiswa tersebut dan seterusnya menamatkan pengajian dalam program *Foundation in Arts* serta Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kuliner di Sunway.

Semasa melanjutkan pengajian, Dayangku terus menyumbang kembali dengan membimbing murid melalui *Education Recovery Tutoring Initiative* (ERTI) anjuran TFM. Titik perubahan penting berlaku apabila beliau bertemu dengan kanak-

kanak tanpa dokumen di Sabah yang mempunyai semangat tinggi untuk belajar, namun tidak mempunyai akses kepada pendidikan formal. Pengalaman tersebut mengukuhkan komitmennya terhadap kesaksamaan pendidikan.

Dengan dorongan komuniti TFM, Dayangku kini menyertai kohort Felo TFM 2026. Perjalanan beliau melambangkan satu kitaran penuh: bimbingan dan peluang yang diterima daripada rangkaian TFM bukan sahaja mengubah kehidupannya, malah membolehkannya untuk memberi inspirasi dan sokongan kepada orang lain. Perjalanan Dayangku daripada murid kepada pemimpin menggambarkan kesan mendalam seorang pendidik serta kuasa transformatif pendidikan.

Mentor Sepanjang Perjalanan

Perjalanan Dayangku disokong oleh Felo TFM daripada pelbagai kohort:

Joyce Ching ('12), Kelvin Tan ('12), Elizabeth Wong ('14), Gabriel Samson ('14), Kamil Hakime ('14), Loh Chee Hoo ('14), Ang Shu Yi ('17), Kularetnam Vijayakumar ('18), Sofea Hafek ('19)



Impak Tahun 2025

Sekilas Pandang Tahun 2025

56

Felo TFM

1,207

Peserta Program
Duta Guru



Sepanjang bulan Jun dan Julai, seramai 44 orang pemimpin dan pakar industri telah mengajar bersama Felo kami di dalam bilik darjah di Perak, Selangor, Johor, dan Sarawak sempena **TFM Week**.

105

Guru KALIS

295

Pemimpin Murid



Student Leaders Advisory Council (SLAC), iaitu majlis penasihat pemimpin murid rasmi yang pertama oleh Teach For Malaysia, telah ditubuhkan pada April 2025 bagi memperkukuh kerjasama antara murid dan orang dewasa serta melibatkan murid dalam ruang pembuatan keputusan.

551

Sukarelawan, Mentor
& Pemimpin Komuniti

900

Lebih dari
Sekolah dan
Komuniti



Pada 9 Ogos, YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia, telah merasmikan **pelancaran Semarak Komuniti**, sebuah perhimpunan yang memberi tumpuan kepada usaha membayangkan semula masa depan pendidikan di Malaysia.

Memberi Impak kepada Lebih

190,000

Murid



Pada bulan Oktober, lebih 1,000 peserta telah menghadiri **Symposium Kebangsaan** tahunan PDG. Simposium ini telah dirasmikan oleh YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia, dan ditutup oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Azam Ahmad, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

Pada tahun 2025, Teach For Malaysia sekali lagi dinobatkan **#1 dalam sektor Pendidikan dan Latihan** oleh GRADUAN Brand Awards, kedudukan yang pernah dicapai sebelum ini pada tahun 2015, 2016 dan 2024.

Nota: Jumlah keseluruhan berubah dari tahun ke tahun disebabkan pengambilan peserta baharu dan penarikan diri.

Sorotan:

Semarak Komuniti — *All of Us, For All Children*



Semarak Komuniti telah menghimpunkan lebih 500 peserta daripada gerakan Teach For Malaysia serta ekosistem pendidikan yang lebih luas untuk bersama-sama membayangkan semula masa depan pendidikan di Malaysia. Diadakan pada 9 Ogos, acara ini telah dirasmikan oleh YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia. Para peserta terdiri daripada guru, murid, Felo TFM, Alumni, wakil Kementerian Pendidikan Malaysia dan Unit Pantau MADANI, pemimpin komuniti, sukarelawan, rakan korporat, ahli rangkaian Teach For All serta orang awam.

Berpaksikan tema *“All of Us, For All Children,”* penganjuran sulung ini menegaskan kepercayaan bahawa usaha memperjuangkan kesaksamaan pendidikan memerlukan kepimpinan kolektif merentas bilik darjah, komuniti, dan sistem. Semarak Komuniti menampilkan pelbagai sesi interaktif, panel murid, pameran inisiatif akar umbi, serta dialog dasar yang bertujuan mencetuskan kerjasama dan memperkukuh rasa memiliki bersama terhadap cabaran serta penyelesaian dalam pendidikan. Antara sorotan utama termasuk ucap tama oleh YB Fadhlina Sidek, sesi demonstrasi Kelas LIVE!, pameran serta perbincangan panel yang membincangkan isu-isu pendidikan paling mendesak di Malaysia.

Di sebalik Semarak Komuniti terletak satu kepercayaan yang ringkas tetapi bermakna: **kita lebih kuat apabila bersama.** Perhimpunan ini memperlihatkan skala, kepelbagaian, dan impak gerakan kami — daripada perusahaan sosial yang diterajui Alumni, kepada Duta Guru yang memacu perubahan di bilik darjah mereka, serta Felo baharu yang sedang memulakan perjalanan kepimpinan. Ia menjadi peringatan bahawa usaha kolektif kita semua diperlukan untuk mendekati aspirasi “suatu hari nanti” di mana semua murid dapat merealisasikan potensi mereka melalui pendidikan berkualiti.





Teras 1

Membangunkan Pemimpin Baharu dalam Sistem Pendidikan

Teras Membangun kami dipacu oleh program utama kami, Program Felo TFM, sebuah Program Pembangunan Kepimpinan selama dua tahun yang melatih pencetus perubahan dalam ekosistem pendidikan.



Sejak tahun 2012, Program Felo TFM telah menjangkau:

13

Kohort

546

Felo & Alumni

200

Sekolah

11

Negeri & 3 Wilayah Persekutuan

Lebih
157,600
murid menerima manfaat

Nota: Jumlah keseluruhan berubah dari tahun ke tahun disebabkan pengambilan peserta baharu dan penarikan diri.

Imbasan Impak Program Felo TFM pada Tahun 2025

Felo TFM berkhidmat di sekolah berkeperluan tinggi di seluruh negara untuk mempercepatkan hasil pembelajaran murid melalui dua laluan: Program Felo TFM Sebagai Rakan Guru memberikan sokongan pengajaran bersama (co-teaching) kepada guru sedia ada, manakala Program Felo TFM untuk Guru Muda memperkasa guru baharu dalam sistem melalui pembangunan profesional yang berstruktur.



56 Felo



30 sekolah di Perak, Sarawak, dan Selangor



5,600 murid menerima impak

01 | Murid

- ❁ **52%** murid menunjukkan peningkatan pembelajaran sekurang-kurangnya satu tahap penguasaan menjelang akhir tahun persekolahan
- ❁ **94%** Guru Hos mendapati bahawa pendekatan pengajaran bersama memberi impak yang signifikan terhadap hasil pembelajaran murid di dalam bilik darjah
- ❁ **100%** Pengetua menyatakan bahawa Felo telah menyumbang kepada peningkatan pencapaian murid dalam ketiga-tiga aspek: Kemajuan Akademik, Kepimpinan Murid, dan Peluang untuk Murid

Analisis TFM dari data Pemantauan Keputusan Murid dan Tinjauan Sekolah

02 | Guru

- ❁ **88%** Felo mencapai sasaran pembangunan kepimpinan mereka
- ❁ **79%** Felo menunjukkan peningkatan dalam amalan pengajaran di dalam bilik darjah

Analisis TFM dari data Pemantauan dan Tinjauan Perkembangan Felo



Sorotan: Membina Keyakinan dan Merealisasikan Visi Murid



“ Saya berjaya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, di mana murid berani mencuba, mengambil risiko, dan memiliki rasa tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. ”

Nurmelissa Qhaleeda Binti Rashidi

Felo 2024, SMK Bukit Tinggi

*Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang LL.B (Kepujian),
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam*

Pengaplikasian teori ke dalam realiti bilik darjah merupakan satu cabaran besar yang perlu saya lalui. Saya mengajar kelas yang mempunyai sehingga 40 orang murid di sebuah sekolah bandar dengan tahap penguasaan yang pelbagai. Saya sering perlu mengimbangi keperluan murid yang masih bergelut dengan struktur ayat asas dengan murid yang sudah bersedia untuk kandungan yang lebih mencabar. Dalam masa yang sama, mengekalkan penglibatan murid di samping memastikan silibus dapat diselesaikan merupakan satu tugas yang mencabar dari segi emosi dan fizikal.

Pada peringkat awal, saya berada dalam mod “*survival*”, di mana saya cuba mengendalikan beban tugas pengajaran sepenuhnya secara bersendirian. Dengan sokongan *Leadership Development Officer* (LDO), saya telah menambah baik perancangan pengajaran dan mengubah pendekatan saya terhadap tugas penulisan dan pertuturan. Saya menggunakan strategi seperti *scaffolding*, rutin perbincangan, dan maklum balas untuk membantu murid membina keyakinan serta berdikari dalam pembelajaran. Melalui refleksi berterusan dan bimbingan daripada LDO, saya mengaplikasikan strategi berasaskan bukti yang menjadikan pembelajaran lebih tersusun dan mudah diakses oleh murid dari pelbagai tahap.

Lama kelamaan, saya melihat murid semakin terlibat dalam pembelajaran, mampu meluahkan perasaan dan pendapat dengan lebih jelas serta menunjukkan rasa bangga terhadap hasil kerja mereka. Walaupun berdepan pelbagai cabaran, saya berjaya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, di mana murid berani mencuba, mengambil risiko, dan memiliki rasa tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Pencapaian ini mungkin tidak kelihatan besar, namun ia amat bermakna. Melihat murid semakin yakin dan terlibat dalam pembelajaran merupakan gambaran sebenar Visi Murid.

Sorotan: Membangunkan Kepimpinan Murid Melangkaui Bilik Darjah

Mai Nurul Atifah Binti Meor Rosli

Felo 2024, SMK Idris Shah

Ijazah Sarjana Muda Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Cabaran terbesar dalam merealisasikan Visi Murid saya adalah mengatasi persepsi ibu bapa terhadap aktiviti kokurikulum. Walaupun akademik merupakan komponen penting dalam pembelajaran, kemahiran kepimpinan juga sama penting dan boleh dibangunkan melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum.

Pada tahun ini, saya telah memimpin penyertaan kali pertama sekolah saya dalam dua pertandingan drama peringkat kebangsaan. Saya melihat potensi dalam diri murid-murid saya, dan pada masa yang sama dapat menggabungkan kemahiran serta minat yang saya miliki. Saya membimbing murid dalam kemahiran asas lakonan serta membantu mereka bekerjasama

untuk menghasilkan persembahan drama. Murid-murid saya menunjukkan ketekunan, semangat kerjasama dan usaha yang tinggi, dan akhirnya berjaya meraih tempat keempat dalam Pertandingan Pengisahan Peringkat Kebangsaan. Pencapaian ini pada mulanya kelihatan mustahil, namun dengan keyakinan dan ketabahan, murid-murid saya membuktikan bahawa mereka mampu mengatasi cabaran dan berjaya.

Pengalaman ini mengukuhkan kepercayaan bahawa apabila kita memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran kepimpinan seiring dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid, kita memperkasa mereka untuk menerajui perkembangan diri dan masa depan mereka.

“ Kita memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran kepimpinan seiring dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid, kita memperkasa mereka untuk menerajui perkembangan diri dan masa depan mereka. ”



03 | Sistem

Inisiatif Impak Komuniti Felo TFM

Selain daripada pengajaran di dalam bilik darjah, para Felo turut menjalankan program selepas sekolah dan program komuniti bagi menangani pelbagai isu dan keperluan di peringkat sekolah dan komuniti setempat.

Pada tahun 2025, Felo tahun kedua kami telah menerajui lebih daripada 19 buah inisiatif untuk menangani pelbagai cabaran dalam bilik darjah dan komuniti, termasuk isu literasi, numerasi, STEM, seni, dan kepimpinan murid. Secara keseluruhan, mereka berjaya mengumpulkan lebih daripada RM47,000 untuk menyokong pelaksanaan projek-projek ini.



Science Unplugged

Science Unplugged merupakan inisiatif yang diterajui oleh Intan Nur Atira Binti Mat Khamis, Felo Kohort 2024 di SMK Bukit Tinggi, yang bertujuan meningkatkan penglibatan dan kefahaman murid dalam mata pelajaran Sains. Projek ini dilaksanakan melalui penggunaan bahan pembelajaran dwibahasa, aktiviti gamifikasi, eksperimen secara hands-on serta pendedahan kepada kerjaya STEM bagi menjadikan pembelajaran Sains lebih interaktif, bermakna, dan relevan dengan dunia sebenar.



Jok Jelajah

Jok Jelajah merupakan program yang diterajui oleh Eileen Binti Annuar, Felo Kohort 2024 di SMK Bawong, yang memberi pendedahan kepada murid mengenai laluan kerjaya selepas SPM. Program ini melibatkan murid Tingkatan 2 hingga 5 dan dijalankan secara bersiri. Melalui pelbagai aktiviti, *Jok Jelajah* melengkapkan murid dengan kemahiran seperti pengurusan masa, pengurusan kewangan, serta pengetahuan tentang cara memohon ke universiti awam. Selain itu, sesi perkongsian oleh graduan Orang Asli turut diadakan bagi memberi inspirasi kepada murid serta mengukuhkan keyakinan bahawa komuniti Orang Asli mampu melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.



TerraBanun

TerraBanun merupakan inisiatif yang diterajui oleh Muhammad Fida'iy Syahmi Bin Mazelan, Felo Kohort 2024 di SMK RPS Banun, yang bertujuan memberi pendedahan kepada murid tentang sumber komuniti serta memperkasa mereka dengan kemahiran keusahawanan melalui pelbagai aktiviti. Ini termasuk lawatan pembelajaran ke TRaCe-UMK, bengkel menghasilkan terrarium dan produk mesra alam, serta bengkel kebolehpasaran produk. Seramai 20 murid Orang Asli daripada Tingkatan 1 hingga 3 telah berpeluang meneroka bakat keusahawanan mereka serta menjana idea bagi penjualan produk sempena Hari Anugerah dan Hari Orang Asli.

Refleksi Pemimpin Sekolah

Sokongan dan kerjasama pemimpin sekolah serta pendidik memainkan peranan penting apabila mereka bekerjasama dengan Felo untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih menarik serta meningkatkan hasil pembelajaran murid.

“ Saya akan mengesyorkan program ini kepada sekolah-sekolah lain kerana kehadiran Felo TFM telah terbukti membawa impak positif kepada kemenjadian murid melalui pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif, sokongan intervensi akademik, serta pembinaan keyakinan dan karakter murid. Selain itu, Felo turut membantu meningkatkan budaya kolaboratif guru, menyokong agenda digital sekolah dan memperkukuh hubungan sekolah dan komuniti. **Program ini memberi nilai tambah yang signifikan kepada sekolah, terutama di kawasan luar bandar.** ”


Janie anak Limin

Guru Besar, SK Balai Ringin

“ Program ini membantu sekolah dengan peningkatan kualiti pengajaran dan pemudahcaraan berfokuskan murid dan berasaskan data. Guru Felo dibimbing dengan penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran aktif, KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi) dan inovatif serta sokong pengajaran yang meningkatkan penglibatan murid. **Dengan ini, murid memahami konsep dengan lebih mendalam dan bukan sekadar menghafal, serta lebih yakin untuk bertanya, berbincang dan menyelesaikan masalah.** ”

Masdi Bin Masud

Guru Besar, SK Taman Selasih





Teras 2

Memacu Pemimpin Sedia Ada dalam Sistem Pendidikan pada Skala Besar

Usaha kami di bawah teras Memacu memberi tumpuan kepada pemimpin yang sedia berada dalam sistem pendidikan. Program-program ini menyokong guru dalam perkhidmatan, selaras dengan komitmen kami untuk menjadi rakan strategik yang dipercayai kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Dengan pengukuhan kapasiti kepimpinan merentas bilik darjah dan komuniti, teras ini melengkapi keutamaan pendidikan negara serta menyumbang kepada transformasi sistem yang berterusan, di mana amalan pengajaran yang lebih baik, kepimpinan yang kukuh dan kerjasama yang erat diterjemahkan kepada pengalaman dan hasil pembelajaran murid yang lebih baik.



Program Duta Guru

Program Duta Guru (PDG) merekrut dan memperkasa guru-guru STEM dalam perkhidmatan dengan melengkapi mereka dengan kemahiran pedagogi dan kompetensi kepimpinan untuk mendorong transformasi pengajaran dan pembelajaran STEM yang menyeluruh dan mampan di peringkat sekolah.

Sebuah kerjasama antara Yayasan PETRONAS dan Kementerian Pendidikan Malaysia, PDG ialah sebuah program berbilang tahun yang berteraskan kerjasama industri dan dilaksanakan di seluruh negara. Ia bertujuan untuk memperkukuh keupayaan guru STEM yang berkhidmat di


sekolah dengan majoriti murid daripada golongan B40. Fokus utama program ini ialah membina keupayaan guru-guru sedia ada dalam sistem bagi meningkatkan minat serta kecekapan murid dalam mata pelajaran STEM dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), terutamanya dalam kalangan murid yang kurang berkemampuan.

Menjelang tahun 2030, Program Duta Guru menyasarkan untuk memperkasa seramai 4,500 orang guru yang cekap dan komited bagi mempertingkatkan KBAT dalam kalangan murid melalui pendidikan STEM, sebagai asas membina sebuah negara yang berdaya saing.

Sejak 2020, Program Duta Guru telah menjangkau:



Nota: Jumlah keseluruhan berubah dari tahun ke tahun disebabkan pengambilan peserta baharu dan penarikan diri.



Imbasan Impak Program Duta Guru pada Tahun 2025

- ❖ **1,207** peserta PDG yang aktif
- ❖ **823** sekolah di seluruh Malaysia
- ❖ **Lebih 181,000** murid menerima manfaat

01 | Murid

Dalam kalangan murid yang diajar oleh peserta Program Duta Guru Kohort 5:

- ❖ **65%** murid mencapai Tahap Penguasaan (TP) 4 atau lebih tinggi dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)
- ❖ **74%** menunjukkan sikap positif terhadap STEM
- ❖ **68%** murid menunjukkan peningkatan Tahap Penguasaan (TP) dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)
- ❖ **57%** melaporkan pengaplikasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Analisis TFM berdasarkan laporan data oleh peserta PDG

Sorotan: Suara yang Ditemui di SMK Riam, Miri

Abigail, seorang murid di SMK Riam, Miri, sebelum ini merupakan seorang yang pendiam di dalam bilik darjah dan agak malu untuk berkongsi pandangannya. Perkara ini mula berubah di bawah bimbingan Cikgu Vanessa daripada PDG Kohort 6, yang membentuk budaya bilik darjah berpusatkan murid dan reflektif, di mana murid dapat mengekspresikan diri tanpa rasa takut.

Titik perubahan berlaku apabila Abigail menyertai sesi meja bulat murid anjuran PDG, di mana beliau mula berkongsi idea secara aktif dan terlibat dalam perbincangan. Selepas pengalaman tersebut, Cikgu Vanessa mendapati Abigail semakin berani bersuara dengan lebih yakin di dalam kelas.

Perjalanan Abigail menunjukkan bahawa apabila murid berasa didengari dan berada dalam persekitaran yang selamat, mereka memperoleh keyakinan untuk berkembang menjadi pembelajar yang lebih berdaya tahan dan proaktif.



02 | Guru

❖ **42%** guru PDG menggunakan amalan pengajaran yang telah ditambah baik di dalam bilik darjah

❖ **96%** guru PDG menunjukkan peningkatan dalam kompetensi pedagogi dan kepimpinan

❖ **95%** pemimpin sekolah mengiktiraf guru PDG sebagai aset yang bernilai kepada sekolah

❖ **434** projek inovasi atau kajian tindakan telah dilaksanakan oleh guru Kohort 5

Analisis TFM berdasarkan data pemerhatian rakan sejawat dan laporan oleh peserta PDG

Sorotan: **Melihat Setiap Murid, Menghargai Setiap Individu**

Cikgu Raymond

Peserta PDG Kohort 6

Bagi Cikgu Raymond Hu Ding Yik (SM Sains Miri), adalah penting untuk memastikan tiada murid yang berasa terpinggir. Didorong oleh keyakinan bahawa tiada pendekatan kurikulum yang bersifat “one-size-fits-all”, beliau menyesuaikan kaedah pengajarannya mengikut minat murid. Di dalam bilik darjah, Cikgu Raymond menggunakan tema seperti *Mobile Legends*, pengembaraan dan hari lahir murid untuk

menjadikan soalan Matematik lebih relevan dan menarik untuk muridnya. Pada masa yang sama, beliau juga mengintegrasikan fasa *Engage* dan *Elaborate* daripada Kerangka 5E yang merupakan sebahagian daripada kurikulum PDG. Pendekatan ini memastikan setiap murid berasa dihargai dan diberi perhatian.

Melalui Ruang Elektif, sebuah platform perkongsian ilmu untuk guru PDG, beliau berkongsi amalan pengajarannya bersama rakan sejawat, sekali gus menjadikan refleksi peribadinya sebagai panduan kepada orang lain. Sebagai seorang guru STEM, Cikgu Raymond bukan sekadar meningkatkan pencapaian akademik. Beliau mahu setiap murid merasakan bahawa mereka benar-benar dihargai.

“**Saya mahu murid saya tahu bahawa saya melihat mereka.**”



03 | Sistem

Guru Program Duta Guru bukan sahaja menambah baik amalan pengajaran masing-masing, malah turut memacu perubahan sistemik dalam pendidikan STEM.

Sorotan: Persidangan Duta Guru STEM Sabah

Persidangan Duta Guru STEM Sabah menandakan satu anjakan penting dalam usaha memperluas impak program daripada bilik darjah individu kepada perubahan sistemik di peringkat negeri. Melalui pemerkasaan kerjasama strategik antara JPN Sabah yang diterajui oleh Puan Emila dan Persatuan Duta Guru Sabah yang dipimpin oleh Cikgu Rushi (Kohort 4), persidangan ini berjaya menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan utama, termasuk pengetua sekolah, wakil PPD dan kepimpinan Kementerian, dalam satu ekosistem STEM yang bersepadu.

Pengaruh sistemik ini jelas ditunjukkan melalui perkongsian pemimpin sekolah seperti Puan

Fauziah Hj Janau, yang melaporkan peningkatan sebanyak 150% dalam penyertaan aliran Sains di SMK Likas hasil daripada inisiatif Duta Guru. Dengan mengadaptasi model Simposium Kebangsaan PDG ke peringkat negeri, usaha ini menyerlahkan peranan PDG sebagai pemangkin kepada perubahan positif dalam sistem pendidikan. Secara tidak langsung, PDG berfungsi sebagai jambatan antara dasar dan amalan, sekali gus membina budaya kecemerlangan STEM yang mampan di seluruh Sabah.



Spotlight: Dari Ambang Keciciran ke Negeri Peneraju — Transformasi Kelantan

Kebangkitan semula komuniti Duta Guru di Kelantan merupakan satu kajian kes yang kukuh tentang bagaimana kepimpinan akar umbi mampu mengubah haluan sistem pendidikan di peringkat negeri. Negeri ini sebelum ini hampir diketepikan berikutan kadar pengambilan yang rendah serta sokongan ekosistem yang lemah. Namun, haluan tersebut berubah melalui kepimpinan proaktif Cikgu Eija daripada Kohort 1 (kini SISC+), Cikgu Atiqah daripada Kohort 3, dan Cikgu Shafrinawati daripada Kohort 2. Dengan melibatkan diri secara langsung bersama JPN Kelantan serta mengemukakan

visi kecemerlangan STEM yang disokong data, mereka berjaya merapatkan jurang antara keyakinan yang rapuh dan kepercayaan institusi.

Perubahan ini membawa kepada Kelantan menjadi antara negeri terpentas mencapai sasaran pengambilan, disokong oleh pembangunan papan pemuka (*dashboard*) PDG peringkat negeri yang khusus bagi menjejak impak guru. Kelantan berjaya beralih daripada sebuah komuniti yang hampir tidak wujud kepada model amalan terbaik. Malah, JPN lain kini sering mendapatkan pandangan strategik mereka. Ini membuktikan bahawa visi bersama yang diterajui oleh individu yang komited mampu menstabilkan serta memperluas impak walaupun dalam konteks pendidikan yang mencabar.





Sorotan: Simposium Kebangsaan Program Duta Guru

Simposium Kebangsaan berfungsi sebagai platform tahunan bagi komuniti PDG di seluruh Malaysia untuk bertukar pengetahuan, melibatkan diri dalam perbincangan intelektual, serta membina jaringan antara satu sama lain dan dengan pihak berkepentingan dalam pendidikan STEM. Pada tahun ini, tema **Membangun Karakter Mapan Penyelesai Masalah: Ke Arah Kesihatan Planet dan Inovasi yang Mampan** menetengahkan kepentingan daya tahan dalam membentuk murid dan pemimpin yang bersedia menghadapi masa hadapan.

Acara ini mencatat kehadiran tertinggi setakat ini dengan lebih 1,000 peserta, termasuk lebih 70 murid yang berperanan sebagai ahli panel, pembentang dan peserta. Para pempamer menetengahkan teknologi dan perkongsian ilmu, manakala format sesi baharu menyediakan lebih banyak peluang pembelajaran secara praktikal serta interaksi langsung dengan pakar.

Imbasan Simposium Kebangsaan 2025

- ❖ 1,225 peserta
- ❖ 96% berpuas hati dengan pengalaman keseluruhan
- ❖ 97% memperoleh pengetahuan baharu mengenai topik yang dibincangkan
- ❖ 97% mengenal pasti peluang untuk jaringan dan kerjasama baharu



Kemahiran Asas Literasi dan numeraSi (KALIS)

KALIS merupakan sebuah program di bawah Program Anak Kita (PAK), iaitu inisiatif pemulihan pembelajaran peringkat nasional yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia, serta dipacu oleh Unit Pantau MADANI dan Yayasan Hasanah.

KALIS merupakan intervensi bersasar yang memberi tumpuan kepada pengukuhan pendidikan pemulihan bagi murid pemulihan di Johor. Program ini telah dilaksanakan di 105 buah sekolah merentasi enam daerah, dan memberi manfaat kepada kira-kira 4,200 murid. Program ini berteraskan tiga teras strategik:

- Intervensi langsung kepada murid melalui penggunaan kit literasi dan numerasi berstruktur yang dibangunkan bersama organisasi Alumni TFM, MYReaders dan DoodleCare Resources (MaxMath)
- Pembangunan kapasiti guru melalui latihan berterusan, bimbingan serta komuniti pembelajaran profesional
- Penglibatan ekosistem melalui kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan di peringkat sekolah

KALIS bertujuan untuk mencapai peningkatan segera dalam kemahiran asas literasi dan numerasi, di samping membina kapasiti pengajaran jangka panjang dalam kalangan guru. Dengan penyediaan peralatan, bimbingan guru dan geran untuk melaksanakan penyelesaian berasaskan bilik darjah, program ini mewujudkan satu model pemulihan pembelajaran yang memperkukuh amalan pengajaran serta sokongan sistem bagi murid yang memerlukan.

Imbasan KALIS in 2025

Pada tahun 2025, KALIS telah melibatkan:

- ❖ **105** guru
- ❖ **105** sekolah (14% merupakan sekolah luar bandar)
- ❖ **6** daerah
- ❖ **4,204** murid



01 | Murid

❖ **63.65%** murid berjaya keluar daripada Pemulihan

❖ **96%** guru melaporkan perubahan awal positif dalam pembelajaran dan kadar kehadiran murid

❖ Purata kadar kehadiran dari Mei hingga November meningkat sebanyak 8% bagi kelas literasi dan 9% bagi kelas numerasi

Sorotan: Keyakinan Bermula Dari Satu Perkataan

Pada awal tahun 2025, Lulu, seorang murid Tahun 3, dikenal pasti memerlukan sokongan Pemulihan. Beliau menghadapi kesukaran dalam kemahiran asas literasi dan numerasi, mempunyai tahap tumpuan yang rendah serta sering hilang minat terhadap pembelajaran. Keupayaan membacanya lemah, dan tahap keyakinan dirinya berada pada tahap yang membimbangkan.

Selepas pelaksanaan KALIS, perubahan positif mula kelihatan. Melalui intervensi berstruktur mengikut tahap serta modul aktiviti literasi MyReaders, Lulu

mula mengenal huruf, membina suku kata dan membaca perkataan secara berperingkat. Latihan berulang dan konsisten membantu meningkatkan kelancaran bacaannya. Pendekatan numerasi MaxMath turut menyokong pemahamannya terhadap nombor melalui aktiviti interaktif.

Lulu juga menjadi lebih aktif, ingin tahu, dan berani untuk bertanya serta menjawab soalan. Menjelang akhir tahun, Lulu berjaya keluar daripada kelas Pemulihan dan kembali ke pembelajaran arus perdana dengan kemahiran membaca yang lebih kukuh serta keyakinan diri yang baharu. Kisah ini membuktikan bahawa dengan sokongan yang tepat, setiap murid mampu berkembang.



02 | Guru

- ❖ **99%** guru berasa lebih yakin untuk mencuba pendekatan baharu dalam amalan pengajaran dan pembelajaran
- ❖ **99%** guru berasa lebih yakin dalam membuat keputusan berasaskan data
- ❖ **87%** guru melihat diri mereka sebagai agen perubahan di sekolah

Sorotan: Cikgu Bakeri Bin Harun dari SK Seri Taman Kluang Barat

Pada permulaan perjalanan Cikgu Bakeri, beliau berkongsi cabaran untuk melepaskan kaedah pengajaran tradisional dan beralih kepada pendekatan fonik. Perubahan ini pada awalnya terasa asing, namun beliau tetap mencubanya dengan harapan dapat meningkatkan hasil pembelajaran murid. Dengan bimbingan melalui teknik baharu serta perkongsian bermakna dalam kalangan guru KALIS, beliau mula mentransformasikan amalan pengajarannya dengan memperkenalkan permainan, inovasi dan pelbagai kaedah pengajaran yang menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan menarik.

Secara beransur-ansur, bilik darjah beliau berubah. Cikgu Bakeri melaporkan bahawa suasana yang dahulunya pasif kini menjadi lebih hidup dan dipenuhi rasa ingin tahu. Murid menjadi lebih yakin, bersemangat dan teruja untuk terlibat dalam pembelajaran.



Sorotan: Cikgu Shaaleiney Kaliappen dari SJK(T) Pasir Gudang

Sebelum menyertai Program KALIS, cabaran terbesar Cikgu Shaaleiney adalah membina keyakinan dirinya sebagai guru Pemulihan serta mempercayai bahawa pendekatan yang digunakan mampu menyokong murid pada pelbagai tahap. Sokongan dan dorongan yang kuat daripada pihak pentadbiran memainkan peranan penting dalam memastikan beliau kekal bermotivasi.

Satu titik perubahan yang bermakna berlaku melalui salah seorang muridnya, Priyamani. Dahulunya kurang yakin dengan nombor dan tidak mempunyai keyakinan diri, Priyamani mula menunjukkan peningkatan melalui aktiviti yang menyeronokkan, berulang dan sokongan yang konsisten. Kini, beliau mampu mengenal nombor, melakukan operasi matematik asas serta menjawab soalan dengan yakin di hadapan rakan sekelas.

Pengalaman ini telah mentransformasikan amalan pengajaran Cikgu Shaaleiney. Beliau mula melihat setiap murid sebagai individu yang berpotensi untuk berkembang. Beliau sendiri menjadi lebih sabar, kreatif, serta memberi penekanan kepada pembinaan keyakinan murid. Apabila keberanian Priyamani mula memberi inspirasi kepada rakan-rakannya, suasana bilik darjah turut menjadi lebih ceria dan saling menyokong.



Sorotan: Laman Inovasi

Geran Inovasi merupakan dana bilik darjah yang diberikan kepada semua guru KALIS bagi mereka bentuk dan melaksanakan inovasi berasaskan bilik darjah untuk menangani cabaran utama literasi dan numerasi. Geran ini membolehkan guru KALIS membangunkan penyelesaian yang disesuaikan dengan keperluan unik murid Pemulihan. Inovasi yang dilaksanakan merangkumi modul literasi dan numerasi yang disesuaikan, aplikasi digital serta pembelajaran berasaskan permainan.



B-Mission Explorer, Cikgu Teh Lee Yee from SJK(C) Chien Chi

Cikgu Teh telah menghasilkan “B-Mission Explorer”, sebuah alat pembelajaran berasaskan permainan yang diinspirasikan daripada konsep *Quiet Book*. Direka dengan aktiviti yang ringkas, berwarna-warni dan bersifat hands-on, ia membantu murid menguasai abjad, mengukuhkan suku kata, memperluas kosa kata serta membina ayat asas. Diperbuat daripada kain lembut, buku ini menawarkan pengalaman pembelajaran secara sentuhan, di mana setiap huruf dijahit bersama murid, sekali gus memberi mereka rasa pemilikan terhadap pembelajaran sendiri.

Inovasi beliau telah meraih tempat pertama di Laman Inovasi, membuktikan bahawa pendekatan yang menyeronokkan dan berpusatkan murid mampu mengubah murid yang lemah membaca menjadi lebih yakin meneroka bahasa.

“ Melalui pengalaman ini, saya sedar bahawa tugas seorang guru Pemulihan bukan sekadar mengajar huruf atau suku kata, tetapi membina keyakinan yang mereka perlukan sepanjang hidup. Perubahan kecil yang konsisten mampu membawa impak yang sangat besar. ”

Cikgu Teh



“ Detik yang paling memberi kesan ialah apabila murid dapat menggunakan bahan inovasi yang dicetak dengan cantik dan berwarna-warni. Melihat mereka memegang bahan itu dengan teruja membuat saya sedar betapa besar impaknya apabila sesuatu bahan memenuhi keperluan mereka. ”

Cikgu Zarina



Roda Kata, Cikgu Zarina Binti Musa from SK Kota Masai 2

Cikgu Zarina memperkenalkan Roda Kata — satu alat pembelajaran ringkas berbentuk permainan yang menjadikan latihan mengeja, membaca dan menulis lebih menarik. Ia boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana sahaja bersama guru, rakan sebaya, atau ibu bapa. Roda Kata menjadikan pembelajaran sebagai pengalaman bersama serta membantu murid membina semula kemahiran dan keyakinan diri, pusingan demi pusingan. Inovasi ini telah meraih tempat kedua di Laman Inovasi, membuktikan bahawa idea yang sederhana mampu mencetus perubahan yang besar bagi murid yang memerlukan.

03 | Sistem

“ Program KALIS yang diterajui oleh TFM telah mencetuskan transformasi positif di SK Taman Pulau Emas. **Program ini telah meningkatkan motivasi guru Pemulihan kami dengan ketara serta menyuntik semangat baharu dalam kalangan murid.** Selain itu, jurulatih TFM juga merupakan sokongan yang amat bermakna kepada guru kami. Saya berharap program ini dapat diteruskan pada masa akan datang. ”

Sairah binti Husin @ Husein

Guru Besar SK Taman Pulau Emas

“ Secara keseluruhannya, **Program KALIS merupakan inisiatif yang berimpak tinggi dan selari dengan agenda peningkatan kualiti pendidikan, khususnya dalam memperkukuh intervensi dan sokongan kepada murid yang memerlukan.** Struktur pelaksanaan yang jelas, komunikasi yang efektif serta kesediaan semua pihak untuk bekerjasama menjadikan program ini satu model kolaborasi strategik yang wajar diperluaskan.

Dicadangkan agar program ini diteruskan dan diperluaskan ke sekolah-sekolah lain agar lebih ramai murid mendapat manfaat daripada pendekatan intervensi yang tersusun dan berfokus. Peluasan ini juga dapat merapatkan jurang pencapaian serta memperkukuh sokongan profesional di sekolah yang memerlukan. ”

Zaimedah Binti Abdul Hamid

Pegawai Pemulihan PPD Kota Tinggi





Teras 3

Menggerakkan Pemimpin untuk Memacu Perubahan Sistemik

Kami percaya bahawa kepimpinan kolektif amat penting untuk memacu perubahan di pelbagai peringkat dalam ekosistem pendidikan. Oleh itu, teras ini berperanan untuk membangunkan serta menggerakkan pemimpin merentasi semua lapisan ekosistem bagi memacu perubahan sistemik, sekali gus memastikan gerakan kepimpinan TFM kekal inklusif, pelbagai, dan meluas.

Bersama Alumni kami, kami turut bekerjasama dengan mentor, sukarelawan, dan pemimpin komuniti yang berdedikasi daripada pelbagai latar belakang. Kita disatukan oleh komitmen bersama untuk memperjuangkan kesaksamaan pendidikan dan memacu perubahan yang berkekalan.



Pemimpin Murid

Kami memperkasa murid untuk menjadi agen perubahan dalam komuniti masing-masing dengan membekalkan kemahiran kepimpinan melalui program kami, berpandukan kerangka SCoRE yang memberi tumpuan kepada Pembelajaran Sosial dan Emosi (SEL), Komunikasi, Daya Tahan, dan Keusahawanan.

Student Leadership Camp (SLC)

Sejak tahun 2013, *Student Leadership Camp* (SLC) telah memupuk gerakan pemimpin muda bagi menangani isu dalam komuniti mereka. SLC menyediakan platform kepada murid daripada latar belakang kurang berkemampuan untuk membina kemahiran kepimpinan dan

pemikiran kritis, sekali gus membolehkan mereka melaksanakan inisiatif tempatan yang memberi impak berpanjangan.

Pada tahun 2025, SLC telah dilaksanakan dengan sokongan daripada Accenture serta penglibatan 36 mentor daripada organisasi tersebut yang membimbing murid dalam merealisasikan idea mereka.



Imbasan SLC 2025

175

murid peserta daripada 23 sekolah di Perak, Selangor, dan Sarawak

34

inisiatif yang diterajui oleh murid

RM14,900

disalurkan bagi pelaksanaan projek

Sorotan: **Projek Red Avatar, SJK(C) Choong Hua (1)**



Projek *Red Avatar*, yang diterajui oleh murid di SJK(C) Choong Hua (1) dan dibimbing oleh Felo 2024 Wong Yan Ying, bermula daripada satu kesedaran yang ringkas tetapi penting. Terdapat murid yang tidak mampu membeli tuala wanita, dan ramai murid perempuan kurang memahami tentang kitaran haid, lalu sering berasa bimbang mengenainya. Pasukan ini menyedari bahawa haid boleh berlaku tanpa diduga, dan murid mungkin tidak mempunyai tuala wanita ketika diperlukan. Mereka berhasrat untuk menjadikan tuala wanita lebih mampu milik dan mudah diakses oleh



semua, di samping membantu murid memahami bahawa haid adalah sesuatu yang normal dan tidak perlu dipandang sebagai perkara yang memalukan.

Kotak “Free Pad Boxes” telah ditempatkan di dalam dan di luar tandas perempuan supaya murid boleh mengambil tuala wanita apabila diperlukan. Pek haba turut disediakan bagi membantu mengurangkan kesakitan akibat senggugut. Bagi membiayai projek ini, pasukan tersebut menjual alat tulis dan kotak misteri serta mendapatkan sumbangan. Mereka juga menggunakan Google Classroom dan poster untuk meningkatkan kesedaran tentang kesihatan haid.

Semasa Hari Pembentangan SLC, Projek Red Avatar merupakan antara kumpulan yang menerima Geran Kelestarian bagi memperluas inisiatif mereka.

Sorotan: **Tik Tok Masa, SK RPS Banun**

Tik Tok Masa merupakan projek yang diterajui oleh murid dengan fokus untuk meningkatkan “literasi masa” dalam kalangan murid di SK RPS Banun. Melalui inisiatif ini, satu pasukan teras yang terdiri daripada lima orang murid, dibimbing oleh Mohammad Danial, Felo 2024, telah memimpin usaha untuk membantu 160 rakan mereka mempelajari cara membaca jam dan memahami jadual waktu sekolah.

Pasukan ini telah melaksanakan beberapa siri bengkel bagi membantu murid menguasai kemahiran membaca jam serta mengurus jadual harian mereka. Selain aspek teori, projek ini turut melibatkan tindakan praktikal, termasuk melantik pengawas murid untuk membunyikan loceng sekolah pada waktu yang ditetapkan serta mengurus pelaksanaannya secara konsisten. Mereka juga berjaya mengurus perolehan dan pemasangan jam dinding di setiap bilik darjah, memastikan semua murid mempunyai rujukan masa yang jelas. Secara keseluruhan, projek ini berjaya mencapai matlamatnya dengan mengurangkan kekeliruan terhadap jadual waktu harian serta memupuk semangat kepimpinan dan tindakan kolektif dalam kalangan warga sekolah.



Program Komuniti Perkasa

Program Komuniti Perkasa (PKP) bertujuan untuk memperkasa murid di komuniti yang kurang mendapat akses agar mampu memacu perubahan yang bermakna. Pada tahun 2025, kami telah merintiskan struktur program yang dipertingkatkan dengan pengintegrasian elemen pemikiran reka bentuk (*design thinking*) bagi membantu murid mengenal pasti dan menangani isu dalam komuniti mereka, dengan sokongan mentor sukarelawan. Program ini dapat direalisasikan dengan sokongan daripada CIMB Foundation

serta komitmen berterusan para sukarelawan dan pemimpin komuniti.

Daripada 20 pasukan yang menerima geran projek, empat pasukan cemerlang telah dipilih untuk menerima geran kelestarian bagi memperluas impak inisiatif mereka. Penerima geran terdiri daripada tiga pasukan dari PPR Seri Alam dan satu pasukan dari PPR Lembah Subang, yang menyerlahkan kreativiti serta komitmen murid daripada pelbagai komuniti.

Gambaran Keseluruhan Program Komuniti Perkasa 2025

- ✦ 4 komuniti PPR terlibat
(PPR HICOM, PPR Lembah Subang, PPR Raya Permai, PPR Seri Alam)
- ✦ 255 murid menerima manfaat
- ✦ 88 pemimpin murid dilahirkan
- ✦ 20 inisiatif komuniti yang diterajui oleh murid dilaksanakan
- ✦ 90 mentor sukarelawan daripada komuniti dan luar terlibat

Sorotan: Ketang Ketung Berapi, PPR Seri Alam

Ketang Ketung Berapi merupakan inisiatif yang diterajui oleh murid di PPR Seri Alam untuk menghasilkan produk masakan yang mudah digunakan, termasuk pes cili, bawang putih dan bawang merah, serta minyak cili dan minyak bawang putih. Projek ini membolehkan komuniti menjana pendapatan yang lebih stabil, mengurangkan kebergantungan kepada satu jenis produk, serta membina hubungan jangka panjang dengan pelanggan. Mereka mengendalikan perniagaan dalam talian melalui Shopee dan terus menghasilkan pes cili di dapur komuniti mereka.



Sorotan: Pusat Minyak Masak Terpakai, PPR Seri Alam

Pusat Minyak Masak Terpakai merupakan inisiatif yang diterajui oleh murid di PPR Seri Alam yang menyediakan penyelesaian mampan melalui pengumpulan minyak masak terpakai daripada komuniti. Inisiatif ini membantu penduduk mengurangkan masalah saluran sinki tersumbat serta mengurus sisa dengan lebih berkesan, di samping menggalakkan amalan penjagaan alam sekitar yang lebih baik.



**Sorotan:****Jahitan Jiwa Lama, PPR Seri Alam**

Jahitan Jiwa Lama merupakan inisiatif yang diterajui oleh murid di PPR Seri Alam yang memberi nafas baharu kepada fabrik dan pakaian terpakai melalui aktiviti jahitan dan *upcycling*. Projek ini menggalakkan komuniti untuk menggunakan semula dan mengolah bahan yang tidak lagi digunakan menjadi barangan yang berguna dan bermakna, sekali gus memupuk amalan kelestarian dan kreativiti.

**Sorotan: Pocket Park & Positivity Wall, PPR Lembah Subang**

Pocket Park & Positivity Wall merupakan inisiatif yang diterajui oleh murid di PPR Lembah Subang yang bertujuan menceriakan kawasan setempat serta mendidik komuniti melalui pembinaan taman mini menggunakan botol terpakai sebagai pasu tanaman dan bahan kitar semula lain. Projek ini turut menampilkan mural interaktif dan berunsur positif bagi memberi inspirasi kepada penduduk serta meningkatkan kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar.

Student Leaders Advisory Council

Student Leadership Advisory Council (SLAC) merupakan majlis penasihat pemimpin murid pertama Teach For Malaysia yang membawa suara murid ke dalam ruang pembuatan keputusan (decision-making) kami. Direka untuk mengutarakan suara murid, majlis ini menyediakan platform kepada pemimpin muda untuk berkongsi pandangan, memberi input terhadap program serta menyumbang perspektif lapangan kepada usaha kami. Majlis ini mencerminkan satu langkah penting ke arah memperkukuh kerjasama antara murid dan orang dewasa.

Imbasan SLAC 2025

- ✦ 32 murid daripada 9 negeri
- ✦ 90% murid menilai tahap keyakinan mereka sekurang-kurangnya 4 daripada 5 dalam mengaplikasikan pembelajaran
- ✦ 90% ahli majlis menunjukkan peningkatan dalam sekurang-kurangnya satu kompetensi kepimpinan teras berdasarkan Kerangka SCoRE Kepimpinan Murid TFM
- ✦ 81% murid telah terlibat dalam peluang bersama komuniti yang lebih luas (contohnya Teach For All, Dialog Awam, panel dan lain-lain)



Sorotan: Kem Kepimpinan SLAC

Kem Kepimpinan ini menghimpunkan semua ahli SLAC buat pertama kali, mewujudkan ruang untuk membina hubungan, refleksi, dan perkembangan diri. Sepanjang tiga hari, murid mengikuti sesi interaktif yang dikendalikan oleh Teach For Malaysia dan Project ID, membina hubungan yang kukuh, serta mendalami matlamat sebagai ahli SLAC. Pengalaman ini menjadi asas kepada perjalanan sepanjang tahun yang berteraskan kerjasama, kepercayaan, dan kepimpinan murid.

Dapatan Utama Murid:

✦ Kepimpinan inklusif:

Ramai murid menunjukkan peningkatan dalam kesedaran sendiri, kecerdasan emosi serta pemahaman terhadap perspektif yang pelbagai. Mereka mula menyedari bahawa kepimpinan bermaksud menyokong orang lain dan mengambil tindakan kecil untuk membawa perubahan yang bermakna.

✦ Pemahaman sistem dan tanggungjawab:

Sesi DEI (Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman) serta SEL (Pembelajaran Sosial dan Emosi) membantu murid memahami bagaimana keadilan dan keterangkuman memperkasa komuniti. "Sesi DEI membuka mata saya tentang keindahan perbezaan dan bagaimana perbezaan ini bukan penghalang, tetapi jambatan yang menghubungkan kita," kongsi seorang murid.

✦ Kerjasama:

Murid menghargai kepentingan bekerja dalam pasukan, menyedari bahawa mendengar sama pentingnya dengan bersuara, serta memastikan tiada sesiapa yang terpinggir dalam usaha mencapai matlamat bersama.



Saya menyertai SLAC kerana ingin memantapkan kemahiran kepimpinan saya serta membina jaringan dengan murid-murid hebat dari seluruh negara. Pada masa itu, saya juga sedang membuat persiapan untuk menjadi Ketua Pengawas sekolah, dan syukur, saya telah dipilih untuk memegang jawatan tersebut pada tahun ini.

Pengalaman saya bersama SLAC setakat ini amat bermakna dan mencabar dalam cara yang terbaik. Sebagai Presiden SLAC, saya berpeluang untuk bekerjasama rapat dengan ramai ahli yang berbakat dan memberi inspirasi. Bagi saya, setiap daripada mereka ibarat sebuah "buku" yang mempunyai cerita tersendiri. Setiap individu membawa idea dan personaliti yang berbeza, dan mengenali mereka merupakan satu perjalanan yang sangat bermakna. Ada ahli yang mengagumkan saya dengan penguasaan Bahasa Inggeris yang sangat baik. Ada juga yang membawa tenaga ceria yang menjadikan setiap perbincangan lebih hidup dan menyeronokkan. Selain itu, terdapat juga ahli yang idea mereka mungkin kelihatan ringkas pada awalnya, namun apabila didengar dengan teliti, pemikiran mereka sebenarnya sangat mendalam dan bernilai.

Sudah tentu, berada dalam peranan ini tidak selalu mudah. Memimpin sekumpulan individu yang bersemangat dan berkeupayaan tinggi boleh menjadi mencabar kerana setiap orang mempunyai pandangan dan cara berfikir tersendiri. Namun, cabaran inilah yang membantu saya berkembang. Ia mengajar saya untuk mendengar dengan lebih baik dan membuat keputusan yang lebih bijaksana.



Mohammad Hidayah

President of SLAC 2025



Future of Work

Inisiatif *Future of Work* (FoW) melengkapkan murid sekolah menengah daripada latar belakang yang kurang berkemampuan dengan kemahiran menentukan masa hadapan, pendedahan, serta jaringan yang diperlukan untuk mengharungi dunia pekerjaan yang sentiasa berkembang. Ramai murid ini berdepan akses yang terhad dalam pendedahan berkaitan industri, teladan profesional serta bimbingan kerjaya. Ini mewujudkan jurang dari segi aspirasi, keyakinan, dan kesediaan.

Pada tahun 2025, FoW telah bekerjasama dengan Micron, DHL Malaysia, SC Johnson, Astro dan Baker Hughes bagi merapatkan jurang ini. Melalui bengkel *hands-on*, murid akan mendapat pendedahan dunia sebenar dalam pelbagai laluan kerjaya, membangunkan kompetensi asas dunia pekerjaan serta membina jaringan bermakna dengan ahli profesional dalam industri. Melangkaui pendedahan semata-mata, FoW turut berusaha membentuk minda murid agar melihat diri mereka sebagai penyumbang masa depan, pemimpin dan inovator dalam tenaga kerja Malaysia.



Imbasan *Future of Work* 2025

- ✦ 343 murid daripada 6 sekolah
- ✦ 94 mentor industri
- ✦ 88% murid berasa yakin untuk mengaplikasikan pembelajaran
- ✦ Murid melaporkan tahap **kepuasan yang tinggi**, dengan skor purata Net Promoter Score sebanyak **87**



Inisiatif Komuniti

Kami yakin bahawa setiap individu memainkan peranan penting dalam kemajuan pendidikan. Melalui kerjasama erat dengan komuniti, kami memupuk perubahan berterusan serta mewujudkan ruang untuk pembelajaran bersama yang berkesan.

Education Recovery Tutoring Initiative (ERTI)

Education Recovery Tutoring Initiative (ERTI) menangani jurang pembelajaran dalam kalangan murid di komuniti berkeperluan tinggi melalui sokongan tuisyen berkumpulan kecil yang konsisten. Pada tahun 2025, ERTI meningkat tumpuannya terhadap pengukuhan kerjasama komuniti bagi memastikan penglibatan dan perkembangan murid dapat berterusan.

Berdasarkan pembelajaran daripada tahun-tahun sebelumnya, program ini memberi penekanan kepada perancangan pengajaran yang berstruktur, latihan berterusan kepada tutor serta pemantauan kemajuan murid yang lebih sistematik. Selain pemulihan akademik, ERTI turut memupuk keyakinan, motivasi serta rasa kebersamaan murid dalam ruang pembelajaran. Pada tahun 2025, ERTI telah dilaksanakan di PPR Seri Alam, PPR Raya Permai, Taman Medan Cahaya dan PPR Desa Rejang.

Imbasan ERTI 2025

- ✦ 4 komuniti PPR aktif
- ✦ 423 murid menerima manfaat
- ✦ 291 tutor sukarelawan terlibat
- ✦ 67% murid* menunjukkan peningkatan akademik sekurang-kurangnya 10% dalam subjek yang dibimbing berdasarkan ujian yang dilaksanakan

**Analisis TFM atas data murid ERTI Kitaran 2*



Sorotan:

Langkah Kecil, Kemajuan Bermakna

Apabila Muhammad Riezqy mula menyertai sesi ERTI di PPR Desa Rejang, penguasaannya dalam Bahasa Inggeris menunjukkan jurang yang ketara. Dalam peperiksaan sebelum ini, beliau memperoleh gred D dan E, yang menunjukkan keperluan untuk sokongan asas yang lebih kukuh. Melalui sesi tuisyen mingguan Bahasa Inggeris, latihan berpandu, serta

dorongan berterusan daripada tutor sukarelawan, Riezqy mula menunjukkan peningkatan yang beransur-ansur tetapi konsisten. Ibunya berkongsi:

“Saya ingin berterima kasih kepada cikgu-cikgu yang mengajar program tuisyen. Prestasi mata pelajaran Bahasa Inggeris anak saya, Muhammad Riezqy, telah meningkat walaupun sedikit. Sebelum ini keputusannya D dan E, dan kini di akhir tahun mendapat C. Pada saya, dia telah menunjukkan peningkatan walaupun sedikit. Terima kasih sekali lagi kepada cikgu-cikgu dan kakitangan yang terlibat.”


Perkongsian ini mencerminkan matlamat ERTI. Kemajuan selalunya bermula dengan langkah kecil yang berterusan. Dalam komuniti di mana pemulihan akademik memerlukan masa, kesabaran dan kepercayaan, kisah seperti Riezqy mengingatkan kita tentang perubahan yang boleh kita cetuskan dalam perjalanan pembelajaran seorang murid.

Gerakan Alumni Kami

Alumni daripada ketiga-tiga teras utama terus mencipta impak melangkaui program kami — mereka berkhidmat di sekolah, komuniti, dan pelbagai sektor untuk membawa perubahan dalam pendidikan. Tidak kira sebagai pendidik, pendukung, mahupun pencetus perubahan, mereka kekal komited terhadap misi kami dan meneruskan perjuangan ke arah visi kami mengikut cara mereka tersendiri.

Alumni Program TFM

Selepas tamat Program Felo TFM, para Felo kami melangkah ke posisi kepimpinan dalam sistem pendidikan serta pelbagai sektor lain sebagai Alumni, dan kekal menjadi pendukung misi kami untuk mentransformasi sistem pendidikan.



71% Alumni Program Felo TFM terus berkhidmat dalam sektor pendidikan dan sosial selepas tamat program

Organisasi Alumni

Memanfaatkan pengalaman Program Felo TFM mereka, sebilangan Alumni kami telah menubuhkan atau menerajui organisasi impak sosial dalam usaha meneruskan misi transformasi pendidikan.

	Arus ialah sebuah perusahaan sosial yang melengkapkan murid dengan kemahiran sepanjang hayat melalui pendekatan pembelajaran pelbagai disiplin.
	Chumbaka ialah sebuah perusahaan sosial dengan visi untuk mempertingkatkan kemahiran hidup kanak-kanak melalui teknologi.
	Classroom Adventures ialah sebuah perusahaan sosial yang mereka pengalaman pembelajaran berasaskan pengalaman dan permainan untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik.
	Yayasan Tunku Abdul Rahman membangun potensi belia di Malaysia, khususnya daripada latar belakang yang kurang mendapat akses dan kurang terwakili, melalui akses kepada pendidikan tinggi, bimbingan, biasiswa, serta program pembangunan.
	Edvolution ialah sebuah perusahaan sosial bukan berasaskan keuntungan yang memberi tumpuan kepada pembangunan kepimpinan dalam sistem pendidikan untuk mendorong pembaharuan institusi.
	Impian Kencana ialah sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang bertujuan untuk membimbing belia B40 mengatasi kemiskinan bandar melalui siri bengkel berterusan khusus dalam kemahiran insaniah dan pemikiran reka bentuk.
	MYLES adalah sebuah inisiatif yang mengutamakan penglibatan guru, murid, ibu bapa, dan komuniti dalam usahasama membayangkan semula serta mencipta ruang yang bermakna walaupun - atau kerana - berdepan dengan keterbatasan sumber.
	MaxMath ialah sebuah perusahaan sosial yang memperkasakan kanak-kanak dengan membina keyakinan mereka dalam matematik melalui program numerasi yang berstruktur, menarik, dan berpusatkan murid.
	MYReaders ialah sebuah perusahaan sosial yang memperkasakan kanak-kanak melalui komuniti dengan penyediaan program membaca yang berstruktur dan mampan.
	PEMIMPIN GSL ialah sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang memberi tumpuan kepada pengukuhan kepimpinan di sekolah-sekolah seluruh Malaysia.
	Penang Science Cluster merupakan sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang berhasrat untuk membina saluran bakat yang mampan di Pulau Pinang dan Malaysia dengan memupuk minat dalam sains dan teknologi, serta membudayakan inovasi dan keusahawanan.
	Project ID ialah sebuah perusahaan sosial yang mereka pengalaman inovatif berpusatkan murid untuk memperkasa mereka dengan semangat dan keyakinan dalam mengejar impian mereka.
	Reimagine Education (R.ED) ialah sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang bertujuan untuk mentakrifkan semula jenis pendidikan yang diperlukan oleh kanak-kanak pelarian di Malaysia agar mereka berjaya menghadapi cabaran dan ketidakpastian yang menanti mereka.

Sorotan: Alumni Program TFM



Loh Chee Hoo (Kohort 2014) - MABECS Fulbright US Teacher Exchange

Chee Hoo telah dipilih untuk menyertai *Fulbright Global Teacher Excellence Programme* pada musim luruh 2025 dan ditempatkan di University of North Carolina at Greensboro (UNCG) sebagai sarjana antarabangsa dari Malaysia. Program ini memberikan beliau pendedahan yang bernilai terhadap pendekatan pedagogi yang inklusif dan berpusatkan murid, di mana autonomi dan pembelajaran yang menyeronokkan menjadi teras dalam bilik darjah.



Berinspirasi sistem pendidikan di Amerika Syarikat, beliau telah membawa kembali pelbagai inisiatif praktikal ke Malaysia, termasuk memperkenalkan pendekatan *3-Act-Task* bagi memperkukuh penaaakulan matematik serta melaksanakan sesi puisi kreatif untuk meningkatkan ekspresi emosi murid. Chee Hoo juga berhasrat untuk menubuhkan *Student Voice Club* bagi mengupayakan murid berkomunikasi dengan yakin dalam pelbagai bahasa, sekali gus memastikan impak pengalaman Fulbright beliau melangkaui bilik darjah.

Nur Syazadiyanah Binti Suraini (Kohort 2018) - *Designing for Dignity*

Penyelidikan PhD Syaza bertajuk "*Intentional Redesign in Malaysian Public Schools through Stakeholder Engagement*" meneroka bagaimana kolaborasi rentas disiplin dapat menambah baik persekitaran pembelajaran di kawasan yang kurang mendapat akses. Misinya turut dipengaruhi oleh pengalaman peribadi bersama adiknya, Syafiq, yang mempunyai Sindrom Down. Sepanjang tempoh beliau terlibat dalam Program Felo TFM, Syaza juga menyaksikan murid berdepan cabaran dalam kelas yang sesak serta persekitaran pembelajaran yang panas di bawah bumbung zink.

Seiring dengan perubahan pesat dalam pendidikan berbanding infrastruktur fizikal, beliau menekankan kepentingan mereka bentuk ruang pembelajaran secara teliti agar dapat menyesuaikan diri dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran yang sentiasa berubah. Syaza terus mengaplikasikan kerangka penyelidikannya untuk mereka bentuk bersama persekitaran pembelajaran dengan pelbagai komuniti, termasuk Persatuan Sindrom Down Malaysia. Menyedari bahawa transformasi fizikal merupakan satu perjalanan jangka panjang, Syaza menerajui *Malaysian Learning Spaces* (MYLES) dan menyeru kepada usaha kolektif yang menghimpunkan rakan kolaborasi yang sehaluan.



Fred Chan Yon Peng (Kohort 2012) - Pencapaian dalam Industri Filem

Selepas lebih sedekad berkhidmat sebagai pendidik, Fred mengejar minat lamanya dalam seni persembahan. Pada tahun 2023, beliau membintangi filem tempatan yang mendapat pengiktirafan, *Pendatang*. Dalam forum pasca tayangan di UCSI University, Fred berkongsi pengalaman langsung tentang realiti industri perfileman di Malaysia bersama pelajar media. Pada tahun 2025, beliau membintangi watak antagonis utama, Kapten Aimer, dalam filem *120 Bahadur*, yang mengisahkan Pertempuran Rezang La semasa Perang China-India.



Victoria Wong Tien Tien (Kohort 2012) - Coaching Teachers Initiative

Victoria mengenal pasti jurang kritikal dalam pembangunan guru yang sering mengabaikan aspek refleksi dan kesejahteraan guru. Sehubungan itu, inisiatif ini direka untuk memupuk perkembangan dalaman yang selari dengan pengukuhan kemahiran profesional. Para guru yang terlibat menjadi lebih bersedia untuk mentafsir semula cabaran, mengawal emosi serta mengartikulasikan identiti kepimpinan mereka dengan lebih jelas dan yakin.

Beliau turut mendapat sokongan daripada rangkaian TFM untuk menyediakan sesi bimbingan pada kadar yang sangat berpatutan, termasuk Teo Yen Ming (Kohort 2016) dan Yeong Sze Ern (Kohort 2015). Inisiatif ini bertujuan membina komuniti pendidik yang lebih berdaya tahan dan reflektif.

Komuniti Duta Guru



Komuniti Duta Guru terdiri daripada para guru yang telah tamat Program Duta Guru dan kini menjadi sebahagian daripada Alumni PDG. Pada bulan November 2025, kami telah meraikan graduasi dan induksi seramai 434 guru Kohort 5 ke dalam Komuniti Duta Guru. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Wong Kah Woh.

Sekilas Pandang Komuniti Duta Guru

- **1,344** Duta Guru di seluruh negara
- **90%** yakin dalam memahami peranan mereka sebagai Duta Guru

Analisis TFM berdasarkan data yang dilaporkan oleh Duta Guru

Pada tahun 2025, kami telah melancarkan tinjauan tahunan Duta Guru bagi Kohort 1-4. Berikut merupakan dapatan utama yang diperoleh:

- **95%** rasa terhubung dengan Komuniti Duta Guru
- **93%** kerap mengaplikasikan strategi yang diperoleh atau dipertingkatkan melalui PDG di dalam bilik darjah
- **94%** telah melaksanakan sesi pembangunan profesional dan pembelajaran untuk berkongsi strategi PDG dengan guru luar program
- **82%** telah bekerjasama dengan JPN/PPD/pihak lain dalam melaksanakan inisiatif berkaitan STEM
- **65%** telah meneruskan projek tahun kedua bagi menjana penyelesaian inovatif untuk komuniti setempat



Sorotan Duta Guru

Pada tahun 2025, Duta Guru (DG) telah berjaya beralih kepada sebuah ekosistem yang sangat aktif melalui penerajuan inisiatif STEM strategik serta program komuniti bagi memastikan kelestarian program. Duta Guru turut mengekalkan tahap penglibatan yang konsisten merentas semua kohort dan wilayah, sambil terus memperkukuh kapasiti kepimpinan mereka. Momentum berterusan ini mengukuhkan peranan Duta Guru sebagai pemacu yang boleh diskalakan bagi pertumbuhan profesional serta impak komuniti dalam landskap pendidikan negara.

Sorotan:

Mendefinisikan Semula Kepimpinan STEM

Cikgu Wafi menyedari bahawa pendekatan pengajaran konvensional tidak lagi mencukupi untuk merapatkan jurang STEM di Terengganu. Melalui Program Duta Guru, beliau mengubah pendekatan pedagoginya kepada amalan yang lebih interaktif dan berpusatkan murid dengan mengintegrasikan Minecraft dan Gamilab bagi menjadikan subjek Asas Sains Komputer lebih mudah diakses. Hasilnya, peratusan murid yang mencapai kecemerlangan dalam subjek tersebut meningkat sebanyak 400%.

Impak beliau kini melangkaui bilik darjah ke peringkat negeri. Sejak dilantik ke Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Cikgu Wafi telah menerajui pendekatan pendidikan yang lebih holistik. Dalam Simposium Kebangsaan 2025, beliau telah memudah cara sesi Human Library bertajuk *“Healthy Teachers, Thriving Schools,”* yang membuka ruang kepada dialog bermakna mengenai kesihatan mental dan kesejahteraan pendidik. Kini, Cikgu Wafi memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh STEM Hub serta membimbing Duta Guru baharu di Terengganu.

Abdul Wafi Bin Mohamad

Duta Guru Kohort 3
Penolong Pengarah
Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi,
Sektor Pembelajaran, JPN Terengganu



Alumni Murid

Alumni Murid kami menggerakkan perubahan sebenar dalam komuniti mereka. Menerusi kepimpinan, advokasi dan tindakan, mereka memperkasa rakan sebaya, menangani isu-isu penting, dan mencipta impak yang berpanjangan.

Sorotan: Portha – Membawa Suara ke Pentas Antarabangsa

Portha memulakan perjalanan kepimpinannya sebagai murid kepada dua orang guru Program Duta Guru. Di bawah bimbingan Cikgu Nor Azman, beliau telah menunjukkan perkembangan yang ketara dalam kemahiran pengucapan awam. Sepanjang tahun lalu, keyakinannya terus meningkat apabila beliau memegang jawatan sebagai Naib Presiden *Student Leadership Advisory Council* (SLAC).

“SLAC menjadi antara sebab saya kini lebih yakin untuk bersuara dan menjadi diri sendiri kerana saya mempunyai ramai rakan di SLAC yang benar-benar membantu saya melihat kehidupan dari perspektif yang lebih luas. Mereka bukan sahaja mengajar saya tentang makna persahabatan yang sebenar, malah menunjukkan bagaimana persahabatan melalui kepimpinan boleh dibina — dan sejujurnya, itulah bahagian yang paling bermakna bagi saya!”

Melalui SLAC, Portha menemui kekuatan dirinya dan mempelajari nilai ketabahan serta sokongan rakan sebaya. “Kepercayaan dan sokongan semua

orang terhadap saya merupakan tulang belakang perjalanan saya dalam SLAC.” Pengalamannya dalam SLAC telah membentuk beliau menjadi seorang pemimpin yang berdaya tahan dan penyayang, serta yakin untuk berkongsi idea dan memberi inspirasi kepada orang sekeliling.

Kini, Portha bersedia untuk membawa kepimpinannya ke peringkat antarabangsa dengan mewakili Malaysia dalam *Student Leader Advisory Council* oleh Teach For All. Perjalanan beliau membuktikan bahawa pemimpin muda mampu memperluas perspektif dan keyakinan apabila diberikan sokongan dan peluang yang bersesuaian.

“Jika anda seorang anak muda yang tertanya-tanya sama ada suara anda penting, jawapannya adalah ya. Tidak kira dari mana anda datang, latar belakang anda tidak akan menentukan siapa diri anda. Bersuaralah, teruskan melangkah ke hadapan dan serlahkan potensi anda kerana saat anda berani melangkah, di situlah segalanya mula berubah.”



Sorotan: Hayshini - Pencetus Perubahan: Daripada Murid kepada Mentor



Perjalanan Hayshini bersama Teach For Malaysia bermula pada tahun 2024 sebagai peserta Program Komuniti Perkasa, di mana

beliau diberi peluang untuk berkhidmat kepada komuniti secara bermakna. Menyedari bahawa penduduk di kawasan itu membuang bahan kitar semula sebagai sampah, beliau bersama pasukannya telah memulakan kempen kesedaran kitar semula. Dengan bimbingan mentor yang memberi dorongan dan meningkatkan keyakinannya, Hayshini berjaya membangunkan

kempen tersebut. Pengalaman ini mendorong beliau untuk melangkah seterusnya sebagai mentor bagi membimbing dan menggalakkan murid lain mencipta impak.

Pada tahun 2025, Hayshini menyokong kumplan mentee beliau dalam melaksanakan projek masing-masing, membimbing mereka menghadapi cabaran, serta meraikan perkembangan mereka. Kenangan paling bermakna baginya adalah bila beliau membantu mentee menyediakan slaid dan prototaip, serta detik bangga menyaksikan pembentangan projek mereka.

Hayshini juga telah mewakili Teach For Malaysia dalam *Kids Education Revolution* di India, sebuah program kepimpinan murid peringkat antarabangsa. Kini, beliau bersemangat untuk mengaplikasikan pembelajaran tersebut di Malaysia.

Lembaga Pemegang Amanah Kami

Ahli Lembaga Pemegang Amanah kami merupakan pakar dalam bidang masing-masing, yang disatukan oleh kejituan azam dan kepercayaan terhadap misi Teach For Malaysia. Mereka bekerjasama dengan Pasukan Kepimpinan Kanan kami untuk membimbing proses membuat keputusan berkenaan isu-isu strategik dan memastikan organisasi kami kekal komited terhadap misi dan nilai-nilai teras kami.



YAM Tunku Ali Redhaudhin Ibni Tuanku Muhriz

Pengerusi & Pengasas Lembaga Pemegang Amanah

- Pengerusi, IMU University and XCL Education Malaysia
- Pengerusi Lembaga Gabenor, Kolej Marlborough, Malaysia dan Ahli Majlis Antarabangsa Kolej Marlborough, United Kingdom
- Pro-Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Felo Diraja, Universiti Sains Islam Malaysia
- Presiden, WWF Malaysia
- Pengerusi, Yayasan Munarah, Cancer Research Malaysia and Cambridge (Malaysia) Foundation
- Pemegang Amanah, Amanah Warisan Negara
- Penasihat Kanan, TPG Capital
- Pengarah, Asia OneHealthcare and Pathology Asia Holdings
- Pengerusi, Cardiac Vascular Sentral (Kuala Lumpur), Peel Healthcare and Integrated Oncology Center (Kuala Lumpur)
- Pengerusi, Astro Malaysia Holdings Berhad, Taliworks Corporation Berhad and Cement Industries of Malaysia Berhad
- Pengarah Bebas, Mr. D.I.Y. Group (M) Berhad
- Rakan Kongsi, Vynn Capital
- Ahli Lembaga Pengarah, Bangkok Bank Berhad



Shahnaz Al-Sadat Mohsein

Pengasas Lembaga Pemegang Amanah,
Ahli Jawatankuasa Audit & Risiko

- Pengarah Urusan, Sekolah Anak Malaysia
- Pengerusi, LeapEd Services
- Ahli Lembaga Pengarah, Telekom Malaysia Berhad
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah, CIMB Foundation
- Ahli Lembaga Gabenor, Kolej Yayasan UEM
- Mantan Pengasas Bersama, Arise Asia
- Mantan Pemegang Amanah Eksekutif, Yayasan AMIR
- Mantan Ahli Lembaga, MINDA
- Mantan Pengarah Eksekutif, Strategic Human Capital Management & Ketua Pegawai Kewangan, Khazanah Nasional Berhad



Chen Li-Kai

Pemegang Amanah, Ahli Jawatankuasa Imbuhan & Pencalonan

- Ahli Lembaga Pengarah dan Felo, Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM)
- Mantan Rakan Kongsi Kanan & Rakan Pengurusan, McKinsey & Company Malaysia
- Mantan Ketua Global Amalan Pendidikan, McKinsey & Company



Datuk Yvonne Chia

Pemegang Amanah, Pengerusi Jawatankuasa Audit & Risiko

- Felo Chartered Banker
- Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Press Metal Aluminium Holdings Berhad
- Sijil Kelestarian dan Risiko Iklim, Global Association of Risk Professionals (GARP)
- Ahli, Chartered Institute of Islamic Finance Professionals
- Ahli Majlis, Asian Institute of Chartered Bankers
- Pengerusi, Financial Sector, MyMahir Talent Council
- Mantan Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Standard Chartered Bank Malaysia
- Mantan Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Cradle Fund Sdn Bhd
- Mantan Ahli Pemegang Amanah, Merdeka Trust Foundation
- Mantan Pengarah Bebas Kanan, Astro Malaysia Holdings Berhad
- Mantan Pengarah Bebas Kanan, Shell Refining Company (Federation of Malaya) Berhad (SRC)



Dato' Tharuma Rajah

Pemegang Amanah, Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan & Pencalonan

- Penasihat Kanan Pivotus Consulting
- Pengasas Bersama & Ketua Pegawai Eksekutif, Garage Analytics
- Mantan Pengarah Urusan Global, Hay Group



YBhg. Datuk Dr. Habibah binti Abdul Rahim

Pemegang Amanah

- Mantan Ketua Pengarah, Kementerian Pendidikan
- Pengarah, Sekretariat Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO)
- Profesor Kehormat, Kyungwoon University
- Felo Kehormat, MASA Institute
- Ahli Lembaga Penasihat, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Ahli Majlis Penasihat Global, Teach For All Global Institute
- Ahli Kumpulan Pandu Arah AI Observatory and Action Lab

Mantan Ahli Lembaga Pemegang Amanah



Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood

Mantan Pengerusi

- Pengasas, MERCY Malaysia
- Mantan Penasihat Khas Kesihatan Awam kepada mantan Perdana Menteri Malaysia, Muhyiddin Yassin
- Pro-Canselor, Heriot-Watt University Malaysia,
- Profesor dan Pengarah Eksekutif, Pusat Kesihatan Planet Sunway
- Felo Kanan,, Adrienne-Arsht-Rockefeller Foundation Resilience Center



Dato' Noor Rezan Bapoo Hashim

Mantan Pemegang Amanah

- Mantan Timbalan Ketua Pengarah, Kementerian Pendidikan
- Mantan Penasihat Pendidikan, Khazanah Nasional Berhad

Rakan Kerjasama dan Penyokong Kami

Kerjasama antara sektor awam dan swasta membolehkan kami memperluas impak.

Pencapaian Teach For Malaysia sejak penubuhannya tidak akan dapat direalisasikan tanpa sokongan padu daripada semua pihak yang percaya kepada misi kami. Rakan berkepentingan utama kami merangkumi sektor awam, seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi berkaitan, serta sektor swasta yang terdiri daripada perusahaan kecil dan sederhana, syarikat korporat, yayasan, dan penderma individu.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada rakan, penyokong, penderma individu serta pengumpul dana atas sokongan yang diberikan. Kepercayaan anda membolehkan kami terus berpegang teguh kepada misi dan nilai teras kami dalam usaha memperkasa semua murid di Malaysia untuk merealisasikan potensi mereka.

Rakan Kerjasama dan Penyokong 2025

Rakan Strategik



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



Rakan Pendukung



Rakan Komuniti



Rakan Peneroka



Penyokong



Teach For All

Kami merupakan rakan dalam Rangkaian Pendidikan Global

Mengapa Rakan Kerjasama Kami Menyokong Misi Kami



Ahmad Shahrman Mohd Shariff

Ketua Pegawai Eksekutif, CIMB Foundation

“ Saya amat percaya bahawa pendidikan merupakan salah satu pemangkin paling berkuasa kepada kemajuan, dan saya berasa bertuah kerana peranan saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Foundation membolehkan kami memberi tumpuan kepada usaha CSR untuk memacu pembangunan sosioekonomi jangka panjang serta meningkatkan kualiti hidup, khususnya bagi mereka yang paling memerlukan, melalui teras pendidikan kami.

Kerjasama kami dengan Teach For Malaysia amat penting dalam merealisasikan matlamat kami untuk menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti bagi komuniti yang terpinggir, yang merangkumi keluarga B40 di komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR). Sejak tahun 2024, CIMB Foundation telah menyokong Program Fellowship Teach For Malaysia bagi Guru Muda, yang menyasarkan guru dalam perkhidmatan dengan pengalaman mengajar antara 0 hingga 5 tahun. Dengan memberi tumpuan untuk membina kapasiti guru, kami juga menjamin pemimpin masa depan negara, kerana guru memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah dan memberi inspirasi kepada murid untuk mengejar impian mereka.

Kini, seramai 56 Felo Guru Muda sedang berkhidmat di sekolah berkeperluan tinggi di Selangor, Perak, Johor, dan Sarawak. Saya berpeluang menemui ramai Felo yang menunjukkan semangat, komitmen dan ketabahan yang amat diperlukan dalam sistem pendidikan kita hari ini. Semasa TFM Week 2024, saya telah mengajar bersama Cikgu Fam dalam satu sesi Bahasa Inggeris, dan saya amat terkesan dengan hubungan erat antara beliau dengan murid-muridnya. Saya menceritakan pengalaman saya sebagai seorang pelajar biasiswa di United Kingdom,

dan saya sangat terharu apabila seorang murid lelaki tampil ke hadapan kelas dan menyatakan bahawa beliau terinspirasi untuk mengikuti jejak langkah saya bagi melanjutkan pengajian tinggi serta memperoleh biasiswa.

Saya juga berpeluang bertemu dengan seorang lagi Felo Guru Muda, Cikgu Mai, yang memperjuangkan semangat “moving societies forward” melalui inisiatif inovasi sosialnya - Max.Us - sebuah projek inklusif yang menangani isu perkauman serta memupuk semangat muhibah dalam kalangan murid daripada pelbagai latar etnik di bilik darjah. Projek ini menyarankan sebuah komuniti sekolah yang dinamik, di mana setiap murid yakin, dihargai dan diperkasa untuk menerajui perubahan positif melalui program yang diterajui murid bagi menangani isu prejudis and kurang fahaman antara murid-murid berbilang kaum. Adalah amat penting untuk guru seperti Cikgu Mai menangani isu perkauman dengan meraikan kepelbagaian budaya dan warisan negara kita, yang menjadi kekuatan kepada perpaduan kita.

Melalui Program Komuniti Perkasa, hampir 200 murid daripada 4 komuniti PPR dapat mempelajari pemikiran reka bentuk (design thinking) dan dibimbing oleh mentor untuk merancang projek bagi menyelesaikan isu yang dikenal pasti dalam komuniti mereka. Sebanyak 20 pasukan akhir telah menerima geran daripada CIMB Foundation untuk melaksanakan projek di komuniti PPR masing-masing, seperti mengitar semula fabrik terpakai menjadi produk kraftangan, mengumpul minyak masak terpakai untuk menghasilkan sabun, serta membangunkan taman komuniti menggunakan bahan kitar semula. Anak-anak muda berfungsi sebagai agen perubahan untuk menghidupkan semangat “Kita Bagi Jadi” dengan merealisasikan idea melalui tindakan, tidak kira kecil atau besar.

CIMB Foundation telah memperuntukkan RM50 juta bagi melaksanakan inisiatif pendidikan di seluruh rantau ASEAN dalam tempoh lima tahun sehingga tahun 2030. Selain kerjasama dengan Teach For Malaysia, kami turut memacu literasi kewangan di sekolah dan komuniti berpendapatan rendah, menawarkan biasiswa pendidikan tinggi serta menyokong pendidikan teknikal dan vokasional, selaras dengan tujuan kami untuk memperkasa pelanggan dan komuniti ke arah masyarakat yang lebih inklusif dan saksama. ”

Spotlight: TFM Week 2025

TFM Week merupakan acara tahunan di mana kami menjemput pemimpin dan pakar industri untuk mengajar bersama peserta program kami bagi meningkatkan kesedaran tentang realiti ekosistem pendidikan dan dalam bilik darjah. Pada tahun 2025, kami telah menganjurkan salah satu edisi TFM Week yang paling berimpak setakat ini.

Peserta kami merangkumi Felo TFM daripada laluan Rakan Guru dan Guru Muda, guru KALIS serta peserta PDG. Sepanjang bulan Jun dan Julai, kami telah menerima kehadiran seramai 44 tetamu di sekolah-sekolah di Perak, Selangor, Johor, dan Sarawak, termasuk pemimpin korporat daripada IJM Corporation, Stellantis ASEAN, PNB, Standard Chartered Bank, Astro dan YTL, atlet tersohor Datuk Nicol David, serta wakil-wakil daripada Exco Kerajaan Negeri Johor dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor.



Datuk Nicol David & Mariana De Reyes, Nicol David Organisation mengajar Sains bersama peserta PDG, Mohamad Izwan bin Mohamad Noor di Klang, Selangor.



Joanne Rodrigues, Group Chief Financial Officer, AFFIN Group mengajar Matematik bersama Felo Kohort 2024, Cassie Anak Michcal di Klang, Selangor.



Ainol Shaharina Sahar, Executive Director, Yayasan Telekom mengajar Pemulihan Bahasa Malaysia bersama guru KALIS, Isyanti binti Mohamed Taufik di Pasir Gudang, Johor.

Mendidik Inovator Masa Hadapan

Sebuah refleksi oleh

Isaac Yeo

Pengarah Urusan, Stellantis ASEAN

“Di Stellantis, kami percaya bahawa akses kepada pendidikan berkualiti adalah asas penting dalam membina komuniti yang lebih kukuh dan inklusif. Kerjasama kami dengan Teach For Malaysia, di bawah usaha filantropi global kami, mencerminkan komitmen kami untuk mewujudkan impak yang bermakna dan berterusan dalam komuniti di mana kami beroperasi.

Semasa TFM Week, saya berpeluang untuk mengajar bersama Felo TFM dalam sesi Sains, di mana kami meneroka topik pelepasan gas rumah hijau serta peranan kenderaan elektrik dalam mengurangkan kesan karbon. Perbincangan seperti ini penting untuk diperkenalkan awal kerana murid-murid hari ini bakal menjadi inovator masa hadapan dalam mobiliti. Saya telah memandu kereta elektrik Leapmotor C10 ke sekolah, di mana murid menunjukkan rasa ingin tahu dan keterujaan apabila berpeluang meneroka kenderaan tersebut. Ini merupakan satu cara yang berkesan untuk mengaitkan pembelajaran di bilik darjah dengan pengalaman dunia sebenar. Ia juga menampilkan bagaimana kelestarian dalam mobiliti boleh

direalisasikan secara nyata. Pengalaman mengajar bersama Felo ini juga memberi saya perspektif yang berharga tentang cabaran dalam sistem pendidikan awam, dan meningkatkan penghargaan saya terhadap para pendidik yang bertungkus-lumus untuk membangunkan generasi masa hadapan.

Stellantis juga berbangga untuk menyokong *Student Leadership Advisory Council*, di mana 32 pemimpin murid dari seluruh Malaysia dipilih untuk membangunkan keupayaan kepimpinan serta memperjuangkan isu-isu yang penting kepada komuniti mereka — termasuk kesihatan mental, kesejahteraan dan persekitaran sekolah yang lebih selamat. Tumpuan kepada pembangunan kepimpinan belia dan sikap advokasi adalah penting untuk kemajuan masyarakat jangka panjang.

Industri automotif kini giat menuju ke arah masa depan yang lebih mampan. Selaras itu, amatlah penting galakkan and bimbingan diberikan kepada generasi pemuda yang bakal menjadi pemimpin masa depan. Saya percaya kerjasama berterusan kami dengan Teach For Malaysia akan membawa perubahan positif yang bererti melalui peluasan akses kepada pendidikan berkualiti, pemerkasaan pemimpin muda serta sokongan terhadap masa depan Malaysia yang mampan.”





Di Mana Pembelajaran Terbaik Bermula

Sebuah refleksi oleh

SC Shekar

Jurugambar

“ Beberapa minggu lalu, saya bersetuju melakukan sesuatu tanpa bertanya terlalu banyak soalan, satu tabiat ketara bagi saya. Saya menerima e-mel daripada Teach For Malaysia yang mengajak saya mengunjungi sebuah kelas murid perempuan berusia sembilan tahun di SK Methodist, Ipoh. Saya bersetuju, tanpa benar-benar mengetahui apa yang bakal saya ditemui. Saya membayangkan suasana biasa, debu kapur, kipas siling yang berpusing perlahan, mungkin papan hitam yang dipenuhi ungkapan Matematik. Namun, apa yang saya temui jauh lebih bercahaya — sebuah bilik darjah dipenuhi murid-murid dengan rasa ingin tahu, yang melimpah seperti cahaya matahari. Murid-murid bertanya tentang kamera dan awan, menangkap gambar ribut dari langit. Mereka bertanya sama ada saya pernah melihat

rumah yang diperbuat sepenuhnya daripada buluh, atau bertemu seseorang yang tidak pernah melawat sebuah bandar. Soalan mereka bukan kecil. Ia menjangkau jauh. Dan di situ saya sebagai seorang ayah yang pernah mendidik kedua anak saya sendiri di rumah, yang membaca puisi ketika sarapan, tiba-tiba terimbas kembali kepada perasaan menyaksikan sebuah minda terbuka, seperti bunga yang menyambut cahaya.

Pagi itu di Ipoh mengingatkan saya bahawa pendidikan bukanlah usaha bersendirian. Ia sumbangan kami semua, ibu bapa, guru, jiran, dan ya, juga sesekali seorang jurugambar. Inilah usaha yang dilakukan oleh Teach For Malaysia, menghantar Felo muda yang bersemangat ke bilik darjah di seluruh negara, termasuk di komuniti yang kurang mendapat akses, di mana papan hitam mungkin sudah lama, tetapi impian tetap tinggi. Mereka meminta dua tahun daripada kehidupan anda, atau mungkin hanya dua hari. Apa sahaja yang mampu anda sumbangkan, sebuah cerita, satu kemahiran, atau telinga yang sudi mendengar. Dan sebagai balasan, anda akan diingatkan mengapa anda memang percayakan sejak awal, mengapa kita mengajar, mengapa kita membimbing, mengapa kita meraih tangan kecil yang terangkat di belakang kelas.

Jadi, jika anda seorang jurutera, penulis, ibu, atau sesiapa yang masih bermimpi dalam angka, melodi atau peta, ada tempat untuk anda juga. Bukan di hadapan, tetapi di sisi seorang murid. Di situlah bermulanya pembelajaran yang terbaik. ”

Sorotan: Kuala Lumpur Standard Chartered Marathon



Kuala Lumpur Standard Chartered Marathon terus menjadi contoh kukuh usaha pengumpulan dana yang diterajui oleh komuniti, dengan jumlah RM269,294.91 berjaya dikumpulkan bagi menyokong Teach For Malaysia. Sebagai penerima manfaat buat kali ketiga, kami amat bersyukur dapat meneruskan kerjasama ini hingga tahun 2026.

Pencapaian ini direalisasikan hasil sumbangan 187 pelari, 3 rakan korporat, alumni yang berdedikasi dalam usaha pengumpulan dana, serta sokongan berterusan daripada rakan-rakan kami.



Loh Ken Ming

Alumni Program TFM Kohort 2012



Ini merupakan satu pengalaman yang sangat bermakna apabila saya dapat mencabar dan menguji diri sekali lagi pada tahun ini dengan berlari sejauh 21km di @klscmarathon, sambil mengumpul dana untuk @teachformsia.

Saya amat berterima kasih kepada semua yang telah memberi sokongan dan menyumbang kepada larian saya! Kepercayaan dan keyakinan anda amat bermakna bagi saya.

#ikendoit #klscm2025 #forthekids

Laporan Kewangan

Teach For Malaysia (TFM) merupakan sebuah entiti bukan berasaskan keuntungan dan dikecualikan cukai. Kami diaudit setiap tahun dan penyata kewangan boleh didapati di laman web kami. Semua dana yang diterima oleh TFM digunakan untuk meningkatkan impak kepada penerima manfaat menerusi operasi kami.

Tahun 2025

Pendapatan

Jumlah dana
yang diterima:
RM 23.7 million

Sumbangan

RM 23.4 juta 98.7%

Pendapatan Lain

RM 0.3 juta 1.3%

Perbelanjaan

Jumlah
perbelanjaan:
RM 23.7 million

Program

RM 20.5 juta 86.5%

Operasi

RM 2.3 juta 9.7%

Pengumpulan Dana

RM 0.9 juta 3.8%

Untuk memastikan sebahagian besar sumbangan digunakan secara eksklusif untuk misi kami, pasukan pengurusan memastikan perbelanjaan am dan pentadbiran kami tidak melebihi 30% daripada jumlah perbelanjaan tahunan. Teach For Malaysia telah menerima penarafan A+ dalam *Wiki Impact Transparency Score* bagi kategori yayasan di Malaysia untuk tahun 2022 dan 2023, iaitu laporan terkini yang diterbitkan.

Cara-cara untuk Menyumbang

Bersama-sama, kita mampu memperkasa semua kanak-kanak di Malaysia untuk merealisasikan potensi mereka. Sebagai sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan, Teach For Malaysia bergantung kepada sokongan yang tidak ternilai daripada para penaja, rakan kerjasama dan penderma dalam usaha mencapai visi kami. Semua geran dan sumbangan kepada Teach For Malaysia adalah dikecualikan cukai (LHDN.01/35/42/51/179-6.7027).

Sumbangan melalui

www.teachformalaysia.org/donate

atau imbas
di sini



Anda juga boleh menyumbang melalui pindahan bank/cek:

Nama Penerima: TFM Foundation
Bank: CIMB Islamic Bank Berhad
Cawangan: KLCC Branch
Nombor Akaun: 86-0015211-3
Kod SWIFT: CTBBMYKL

Jika anda ingin menuntut resit pengecualian cukai, sila e-mel slip pembayaran anda beserta nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat rumah dan nombor pengenalan cukai (TIN) anda ke donation.support@teachformalaysia.org. Resit pengecualian cukai akan dihantar melalui e-mel dalam tempoh 4-6 minggu selepas sumbangan tersebut diproses.

**Mengikut syarat-syarat LHDN Subseksyen 44(6) ACP 1967*

Anda boleh membantu mencungkil potensi murid. Dengan sokongan anda, kami dapat:

- 1. Merekrut, Menempatkan, dan Melatih Peserta:** Sumbangan anda membolehkan kami merekrut dan melatih lebih ramai pendidik yang bersemangat, untuk membawa perubahan bermakna kepada murid di sekolah berkeperluan tinggi.
- 2. Meluaskan Jangkauan Kami:** Dengan sokongan anda, kami dapat meluaskan jangkauan kami ke komuniti dan kawasan baharu, membantu lebih banyak murid yang memerlukan akses kepada pendidikan berkualiti.
- 3. Memperkukuh Pengukuran Impak:** Sumbangan anda dapat meningkatkan keupayaan kami untuk mengukur dan menyampaikan impak program kami dengan lebih berkesan, membantu kami menambah baik pendekatan kami secara berterusan, dan mendorong perubahan yang lebih besar.
- 4. Membina Hubungan yang Lebih Kukuh:** Sokongan anda juga akan membantu kami memupuk hubungan yang lebih erat dengan sekolah-sekolah dan komuniti rakan kerjasama kami, seterusnya membina kerjasama kukuh yang menyokong kemajuan murid secara mampan.



teachformalaysia.org

Untuk peluang kerjasama:

partnership.development@teachformalaysia.org

Tel +603 2026 0700

Faks +603 2026 0701

Level 1, Ming Annexe, 9 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur, Malaysia



<https://teachformalaysia.org/>



@Teach For Malaysia



@teachformsia



@TeachForMsia



@Teach For Malaysia



@TeachForMalaysia



@teachformsia